


LAPORAN TAHUNAN

2017



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



KEUSAHAWANAN
TERAS KAMI

ISSN 2600-7681



9 772600 768000



LAPORAN TAHUNAN

2017 

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



EDITORIAL

JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI

Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed
Naib Canselor

Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dato' Abdul Aziz bin Ab. Latif
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Che Omar
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

Pauzi bin Pak Chu
Pendaftar

Junaidah binti Badar
Bendahari

Azman bin Hashim
Ketua Pustakawan

Nor Azli bin Ahamed
Penasihat Undang-Undang

SIDANG EDITORIAL

PENASIHAT
Prof. Dato' Dr. Husaini bin Omar

KETUA EDITOR
Azman bin Hashim

EDITOR / URUSETIA LTPK UMK
Tuan Zulkipeli bin Tuan Yeh

EDITOR BERSEKUTU
Wan Azlee bin Hj. Wan Abdullah
Hairuladzhar bin Mohd Hamdi
Alifah binti Adnan
Adni binti Abu Hassan Sha'ari
Nor Edawani binti Shamsuddin
Hasannuddiin bin Hassan
Lidyawati Husniza binti Mohd Zahari
Nur Hernani binti Shamsuddin
Rahayu binti Abdullah
Noraini binti Idris
Mohd Norhafizan bin Muhammad
Noradilah binti Ismail
Mohammad Firdaus bin Nizam
Mohammad Thalhah Amir bin Abdul Rahman
Mohd Saffiri bin Ibrahim
Mohd Shaharil bin Mohd Hassan
Nor Dalila binti Ab. Ghafar

PEREKA
Mohamad Kamarul Hisyam bin A Rahman

JURU GAMBAR
Mohd Al Azam bin Mat Razi



RASIONAL KULIT BUKU LAPORAN TAHUNAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 2017

Konsep reka bentuk kulit depan Buku Laporan Tahunan 2017 adalah bertemakan dimensi poligon yang diikat oleh simbol pengikat kata yang memberikan pelambangan sisi kejayaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam pelbagai bidang keutamaan selari kematangan penubuhan sedekad umurnya.

Warna biru dipilih sebagai warna latar bersesuaian dengan elemen ketenangan dibawah pelindungan yang "Maha Esa" bagi membentuk kelestarian kejayaan berterusan yang diterjemahkan melalui lambang dua tangan pada Logo Rasmi UMK yang sentiasa memohon restu dan keredhaan serta sentiasa bersyukur.

DITERBITKAN OLEH



PENERBIT UMK
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu,
Universiti Malaysia Kelantan Kampus Kota,
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa,
16100 Kota Bharu,
KELANTAN DARUL NAIM

Tel : 09 -7717000 / 7190
Faks : 09-771 7022
Emel : penerbit@umk.edu.my
Laman Web : www.umk.edu.my

KANDUNGAN

004-014

MAKLUMAT KORPORAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

- 005 Latar Belakang Penubuhan
- 006 Logo & Falsafah
Visi & Misi
Slogan
- 007 Objektif
Teras Strategi Pembangunan
- 008 Tuanku Canselor
- 010 Lembaga Pengarah Universiti 2017
- 012 Jawatankuasa Pengurusan Universiti 2017
- 014 Ahli Senat Universiti Malaysia Kelantan 2017

016-019

ALUAN Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan 2017

- 018 Kata Aluan-Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan

020-023

LAPORAN NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 2017

- 022 Laporan Naib Canselor 2017

024-027

PENCAPAIAN UNIVERSITI WOW FACTOR UMK 2017

- 026 Pencapaian Universiti Sepanjang Tahun 2017

028-047

RINGKASAN PRESTASI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 2017

- 030 Petunjuk Prestasi Utama dan Pencapaian UMK Pada Tahun 2017
- 031 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UMK 2017 – 2020
- 032 Ringkasan Pencapaian UMK 2017
- 033 Teras Strategik 1: Sumber Manusia
- 034 Teras Strategik 2: Kewangan
- 036 Teras Strategik 3: Akademik dan Antarabangsa
- 039 Teras Strategik 4: Penyelidikan dan Inovasi

- 041 Teras Strategik 5: Keusahawanan dan Sosio-Ekonomi
- 043 Teras Strategik 6: Tadbir Urus dan Transformasi Penyampaian
- 044 Teras Strategik 7: Penjenamaan Untuk Penjajaran Strategik

048-074

ANALISA PRESTASI KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

- 050 Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan
- 053 Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti
- 056 Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang (Asas Tunai)
- 068 Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti
- 070 Tambahan Projek dalam Kemajuan Universiti
- 071 Aset, Tanggungan dan Kumpulan Wang (Kumpulan)
- 072 Aset, Tanggungan dan Kumpulan Wang (Universiti)
- 074 Ringkasan Kedudukan Kewangan UMK Bagi Tempoh 5 Tahun

076-118

PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

- 078 Laporan Ketua Audit Negara
- 082 Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah
- 083 Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Universiti Malaysia Kelantan
- 084 Penyata Kedudukan Kewangan

120-215

RUJUKAN LAPORAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

- 122 Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
- 131 Akademik dan Antarabangsa
- 141 Perundangan dan Governans
- 149 Pembangunan Ekosistem Keusahawanan
- 166 Penyelidikan dan Inovasi
- 196 Pembangunan Hal Ehwal Pelajar
- 201 Pemeraksanaan Infostruktur dan Infrastruktur
- 203 Pembangunan Fizikal Universiti
- 210 Program Kemasyarakatan



MAKLUMAT

KORPORAT

Universiti Malaysia Kelantan

- Logo & Falsafah
- Visi & Misi
- Objektif
- Slogan
- Teras Strategi Pembangunan
- Canselor



Falsafah kurikulum pengajian di **UMK** adalah berteraskan kepada pendidikan keusahawanan (*entrepreneurship education*).

Oleh itu, frasa rangsangan

**Keusahawanan
Adalah Teras Kami**

digunakan dengan meluas.



LATAR BELAKANG PENUBUHAN

Penubuhan sebuah universiti di negeri Kelantan telah dijadikan satu komponen dalam Rancangan Malaysia Ke-9 bagi menyokong pembangunan modal insan berkualiti dalam sektor pendidikan tinggi negara. Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan persetujuan kerajaan untuk menubuhkan sebuah universiti di Kelantan dalam pembentangan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK ke 9) pada 31 Mac 2006.

Penubuhan universiti ini telah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Kabinet pada 14 Jun 2006. Jemaah Menteri juga telah menetapkan supaya falsafah kurikulum pengajian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berteraskan kepada pendidikan keusahawanan dan perusahaan (*entrepreneurship education and enterprises*) dalam semua program pengajian. Oleh itu, frasa rangsangan seperti "*Entrepreneurship is Our Thrust*" (Keusahawanan Teras Kami) dan "*Entrepreneurial University*" (Universiti Keusahawanan) digunakan secara meluas. Pengkhususan pengajian untuk

pembangunan jangka masa pendek dan sederhana dikelompokkan kepada tiga bidang pengajian iaitu:

- Keusahawanan dan Perniagaan;
- Teknologi Kreatif dan Warisan;
- Agro-industri dan Sains Sumber Asli

Pada masa yang sama, penekanan diberikan kepada kemahiran berbahasa dan kemahiran insaniah. Semua program pengajian bertujuan untuk melahirkan modal insan negara yang berkualiti tinggi dengan minda kelas pertama yang lengkap dengan ciri-ciri usahawan. Modal insan yang dihasilkan diharap dapat dimanfaatkan untuk kesejahteraan global dan memberi perhatian kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) (*capability and capacity building of SME*) serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat perdagangan berkeusahawanan tinggi. Selaras dengan pelaksanaan semua bidang pengajian, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) digunakan sebagai pengupaya (*ICT as an enabler*).

LOGO & FALSAFAH

- Ianya melambangkan sebuah Universiti terletak di Negeri Kelantan dengan penekanan kepada huruf "U", "M", dan "K".
- Reka bentuk logo melambangkan dinamik, pemikiran terbuka, inovatif & kreatif dan merentasi zaman.
- "Hourglass" melambangkan tiada tempoh masa dalam proses pembelajaran atau pengajaran sepanjang hayat (PSH).
- Melambangkan dua tangan memohon restu, bersyukur dan redha.
- Menggambarkan unsur "chromosome" yang kreatif dan dinamik serta kejadian alam (*a part of nature*).
- Warna "biru" untuk Malaysia, "merah" untuk Kelantan dan "pinang masak" untuk warisan.

VISI

- Menjadi peneraju pembangunan insan seimbang dan holistik bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global.

MISI

- Kami menyediakan program akademik dan latihan berkualiti dan relevan, penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi, perkhidmatan yang efektif dan efisien dan mengutamakan persekitaran kondusif serta memenuhi tanggungjawab sosial.

Penekanan kepada enam aspek utama iaitu:

- Pendidikan Keusahawanan
- Bahasa ketiga
- ICT sebagai pengupaya
- Pembelajaran sepanjang hayat
- Insan holistik berkualiti
- Keunikan dan relevan



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SLOGAN

**Keusahawanan
Adalah Teras Kami**

OBJEKTIF

SUMBER MANUSIA

- Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten, berintegriti, berkualiti dan profesional.

KEWANGAN

- Menjana pendapatan dan mengoptimalkan perbelanjaan yang dapat menyokong kelestarian universiti.

AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

- Membangun program pengajian serta aktiviti akademik Universiti yang lebih dinamik dan berdaya saing di peringkat global.

PENJENAMAAN

- Mencipta imej dan identiti tersendiri yang menggambarkan reputasi sesebuah organisasi melalui petunjuk yang ketara.

PENYELIDIKAN DAN INOVASI

- Menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang mampu memberi impak kepada masyarakat melalui libatsama universiti, kerajaan, industri dan komuniti.

KEUSAHAWANAN DAN SOSIO-EKONOMI

- Menerapkan budaya keusahawanan yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, persekitaran dan industri.

TADBIR URUS DAN TRANSFORMASI PENYAMPAIAN

- Memperteguh tadbir urus yang efisien dan sistematik serta membangun infostruktur dan infrastruktur bagi menyokong persekitaran kondusif.

TERAS STRATEGI PEMBANGUNAN

- Membangunkan dan mengantarabangsakan program pengajian serta akademik universiti bagi menyokong pertumbuhan universiti.
- Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten, dan berintegriti.
- Membangun infrastruktur yang menyokong falsafah pembangunan universiti bertaraf dunia.
- Mengamalkan sistem tadbir pengurusan dan tadbir urus yang mantap
- Menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri.



TUANKU CANSELOR

YANG MAHA MULIA
DR. TENGKU MUHAMMAD FA-IZ PETRA
IBNI SULTAN ISMAIL PETRA

D.K. (KELANTAN), S.P.M.K, D.M.K. (KEDAH), Ph.D (UCL)
PEMANGKU RAJA KELANTAN



TENGGU PRO-CANSELOR

YANG BERHORMAT MULIA
**TENGGU TAN SRI DATO' HAJI MOHAMAD RIZAM
BIN TENGGU ABDUL AZIZ**

D.K. (KELANTAN), P.S.M., S.P.M.K., S.J.M.K., P.A.T.
TENGGU TEMENGGONG KELANTAN

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI 2017

01

**Y.BHG. TAN SRI DATO'
SRI (DR) HAMAD
KAMA PIAH BIN CHE
OTHMAN**

Pengerusi
Lembaga Pengarah
Universiti Malaysia
Kelantan

02

**Y.BHG. PROF. DATO'
DR. MORTAZA BIN
MOHAMED**

Naib Canselor
Universiti Malaysia
Kelantan

03

**Y.BHG. TAN SRI DR.
MOHD IRWAN SERIGAR
BIN ABDULLAH**

Ketua Setiausaha
Perbendaharaan
Malaysia

04

**Y.B. DATO' HAJI MOHD
FAUZI BIN HAJI CHE
MAMAT**

Setiausaha, Kerajaan
Negeri Kelantan



05

**Y.BHG. CIK NORINA
BINTI JAMALUDIN**

Pengarah
Bahagian Governan IPTA

06

**Y.BHG. DATUK (DR.)
HAFSAH BINTI HASHIM**

Ketua Pegawai Eksekutif
SME Corporation
Malaysia (SME CORP)

07

**Y.B. SENATOR DATUK
HAJI HANAFI BIN HAJI
MAMAT**

Pegawai Eksekutif Wira
Ukur Consultant

08

**Y.BHG. DATO' AZMI BIN
MOHD ALI**

Rakan Kongsi Kanan
Azmi & Associates,
Advocates & Solicitors

09

**Y.BHG. ENCIK ZULKIFLI
BIN MOHD ZAN**

Pengurus Berkat
Usahasama NZ
Resources & Real
Design & Printing Centre

Pelantikan ahli Lembaga Pengarah Universiti adalah berlandaskan Seksyen 17 Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A) 462/2010]. Komposisi ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan pada tahun 2017 adalah sebagaimana berikut:

SETIAUSAHA

Y.BHG. ENCIK PAUZI BIN PAK CHU

Pendaftar Universiti Malaysia Kelantan

AHLI SILIH GANTI

Y.BHG. DATO' AB. RAHMAN BIN MAT

Setiausaha Bahagian Pengurusan Aset Awam
Pejabat Setiausaha Bahagian Kementerian Kewangan

Y.BHG. DATIN DR. SYAHIRA BINTI HAMIDON

Ketua Unit Keusahawanan dan
Public-Private Research Network (PPRN)
Kementerian Pendidikan Tinggi

JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI 2017



01

**PROF. DATO' DR.
MORTAZA BIN
MOHAMED**
Naib Canselor

02

**PROF. DR. MOHD.
HASSAN BIN MOHD.
OSMAN**
Timbalan Naib
Canselor (Akademik &
Antarabangsa)

03

**PROF. DATO' ABDUL
AZIZ BIN AB. LATIF**
Timbalan Naib
Canselor (Hal Ehwal
Pelajar & Alumni)

04

**PROF. DATO' DR.
IBRAHIM BIN CHE
OMAR**
Timbalan
Naib Canselor
(Penyelidikan &
Inovasi)

05

**PAUZI BIN
PAK CHU**
Pendaftar /
Setiausaha



06

**JUNAIDAH BINTI
BADAR**
Bendahari

07

AZMAN BIN HASHIM
Ketua Pustakawan

08

**NOR AZLI BIN
AHAMED**
Penasihat
Undang-Undang

09

**PROF. IR. DR. SHAH
NOR BIN BASRI**
Penolong Naib
Canselor
(Pembangunan
Infrastruktur &
Pengurusan Aset)

10

**PROF. DATO' IR. DR.
BADHRULHISHAM
BIN ABDUL AZIZ**
Dekan, Fakulti
Biokejuruteraan
dan Teknologi
yang menjalankan
tugas Pengarah
Kampus

AHLI SENAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 2017


BIL	NAMA	JAWATAN
PENGERUSI		
1	PROF. DATO' DR. MORTAZA BIN MOHAMED	NAIB CANSOLOR
AHLI (TIMBALAN NAIB CANSOLOR)		
2	PROF. DR. MOHD. HASSAN BIN MOHD. OSMAN	TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)
3	PROF. DATO' ABDUL AZIZ BIN AB. LATIF	TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
4	PROF. DATO' DR. HJ. IBRAHIM BIN CHE OMAR	TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)
AHLI (DEKAN FAKULTI & SEMUA KETUA KAMPUS CAWANGAN, SEKOLAH, PUSAT, AKADEMI, INSTITUT, UNIVERSITI)		
5	PROF. MADYA DR. MOHD RAFI BIN YAACOB	DEKAN FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN
6	PROF. MADYA AHAMAD TARMIZI BIN AZIZAN	DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
7	PROF. MADYA DR. MOHD MOKHTAR BIN ARSHAD	DEKAN FAKULTI PERUBATAN VETERINAR
8	PROF. MADYA DR. FATIMAH BINTI CHANGGROK @ KAYAT	DEKAN FAKULTI INDUSTRI ASAS TANI
9	PROF. MADYA DR. AWENG A/L EH RAK	DEKAN FAKULTI SAINS BUMI
10	PROF. MADYA AB AZIZ BIN SHUAIB	DEKAN FAKULTI SENI BINA DAN EKISTIK
11	PROF. MADYA DR. GHAZALI BIN AHMAD	DEKAN FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN DAN KESEJAHTERAAN
12	PROF. DATO' IR. DR. BADHRULHISHAM BIN ABDUL AZIZ	DEKAN FAKULTI BIOKEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI
13	PROF. MADYA DR. NORA'ANI BINTI MUSTAPHA	DEKAN MALAYSIAN GRADUATE SCHOOL OF ENTREPRENEURSHIP AND BUSINESS
14	PROF. DR. MOHD ROSLI BIN MOHAMAD	DEKAN PRASISWAZAH
15	DR. BURHAN BIN CHE DAUD	PEMANGKU PENGARAH PUSAT PENGAJIAN BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSANIAH
16	PROF. MADYA DR. ZAILANI BIN IBRAHIM	PENGARAH PUSAT PENGURUSAN DAN JAMINAN KUALITI
17	PROF. MADYA DR. SURIA BINTI BABA	PENGARAH PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
18	PROF. DR. MOHAMED DAHLAN BIN IBRAHIM	PENGARAH PUSAT PENDIDIKAN LUAR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

19	PROF. MADYA DR. MOHD NOR HAKIMIN BIN YUSOFF	PENGARAH INSTITUT PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA
20	DR. MOHD NAZRI BIN MUHAYIDDIN	PENGARAH PUSAT KO-KURIKULUM
PROFESOR		
21	PROF. ROSDI BIN AB. RAHMAN	PROFESOR FAKULTI SENI BINA DAN EKISTIK
22	PROF. DR. SAFA'AI BIN DERIS	PROFESOR FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
23	PROF. DR. RAZLI BIN CHE RAZAK	PROFESOR FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN
24	PROF. DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD	PROFESOR FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN
AHLI YANG DIKO-OPT OLEH NAIB CANSOLOR		
25	PROF. IR. DR. SHAH NOR BIN BASRI	PROFESOR FAKULTI BIOKEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI
26	PROF. MADYA DR. MOKHTARRUDIN BIN AHMAD	PROFESOR MADYA PUSAT PENGAJIAN BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSANIAH
27	PROF. MADYA DR. MOHD ZAIN BIN MUBARAK	TIMBALAN PENGARAH PUSAT ISLAM
AHLI EX-OFFICIO		
28	PAUZI BIN PAK CHU	PENDAFTAR/ SETIAUSAHA
29	JUNAIDAH BINTI BADAR	BENDAHARI
30	AZMAN BIN HASHIM	KETUA PUSTAKAWAN
31	NOR AZLI BIN AHAMED	PENASIHAT UNDANG-UNDANG
WAKIL INDUSTRI DI DALAM SENAT		
32	TAN SRI DATO' SRI (DR.) MOHD. NADZMI BIN MOHD SALLEH	PENGERUSI EKSEKUTIF NADICORP HOLDINGS SDN. BHD.

NOTA: Update 03 Disember 2017.



**ALUAN PENGERUSI
LEMBAGA PENGARAH
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2017**



PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Syukur saya kehadiran Allah SWT atas limpah dan kurnia-Nya dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2018 kepada semua warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Pada 25 September 2017, UMK telah melakar sejarah apabila Pemangku Raja Kelantan, Yang Maha Mulia Tengku Muhammad Fa-Iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra dimasyhurkan sebagai Canselor UMK yang baharu dalam satu Istiadat Pemasyhuran Canselor Baharu UMK yang berlangsung penuh gilang gemilang di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa. Pemasyhuran dan pelantikan baginda sebagai Canselor UMK telah diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM), Sultan Muhammad V.

Pada 9 Oktober 2017, Tuanku Canselor UMK telah berkenan mencemar duli bagi menganugerahkan ijazah kepada graduan UMK pada Istiadat Konvokesyen Ke-7 yang berlangsung julung kali di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa. Seramai 2,467 graduan UMK menerima ijazah masing-masing pada Istiadat tersebut yang berakhir pada 12 Oktober 2017. UMK turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Sains Kelestarian kepada Pengerusi Landskap Malaysia, Y.A.Bhg. Tun Jeanne Abdullah dan menganugerahkan Profesor Emeritus kepada Naib Canselor Pertama UMK, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ir. Zainai Mohamed.

Sepanjang tahun 2017, pihak Universiti telah berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha mendokong dasar-dasar dan aspirasi-aspirasi yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Sektor Pendidikan Tinggi (PPPM – PT) 2015 – 2025. Dalam melahirkan graduan holistik bercirikan keusahawanan dan seimbang, UMK telah menggiatkan lagi usaha komprehensif dengan penglibatan secara langsung Lembaga Pengarah Universiti, melalui *Action Group for Entrepreneurship Council* (AGE Council), yang telah berjaya menghubungkan universiti dengan pemain industri Malaysia seperti CELCOM Axiata Bhd., QSR Brands (M) Holdings Bhd. dan beberapa lagi nama besar korporat negara. Selain itu, dalam memastikan UMK melahirkan graduan yang bersifat *'forward looking'* dan *'future proof'*, pihak universiti juga telah memperkasakan lagi pendekatan bersepadu dalam

membudayakan perkembangan terbaru dalam ruang teknologi, melalui *Artificial Intelligence & Big Data Council* (AIBIG Council), yang disertai oleh wakil-wakil industri. Dengan pendekatan dan persediaan sebegini, diharap UMK akan mampu melahirkan graduan yang terkehadapan dan relevan untuk pasaran kerja akan datang.

Jelas, pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak universiti ini telah mencapai suatu tahap keberkesanan yang tinggi sehingga UMK telah diberikan pengiktirafan yang baik dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) 2017 dengan pencapaian 4 Bintang. Harapan saya adalah semoga semua pihak akan terus memberikan prestasi yang terbaik agar Universiti akan meraih pencapaian yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan pihak universiti kepada sebegitu ramai para penyumbang yang telah memberi sokongan padu kepada UMK, antaranya Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng yang telah memberikan sumbangan berjumlah RM1 juta bertujuan untuk pembangunan inovasi penyelidikan dan keusahawanan UMK. Manakala Penasihat Sosio Budaya Kerajaan, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Utama, Dr. Rais Yatim turut mengumumkan dana sebanyak RM100,000 sebagai suntikan awal dalam usaha memperkasakan budaya dan warisan negeri. Selain itu, UMW Holdings Berhad telah memberikan sumbangan sebanyak RM100,000 kepada UMK untuk pembangunan akademik.

Tahun 2017 juga menyaksikan tamatnya kontrak perkhidmatan Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed sebagai Naib Canselor UMK, yang jatuh pada tanggal 31 Disember 2017. Bagi pihak Lembaga Pengarah Universiti, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan buat beliau atas khidmat bakti yang telah dicurahkan kepada UMK selama ini. Dan kita juga amat berbesar hati menerima Naib Canselor baharu bagi menerajui fasa perkembangan UMK yang seterusnya iaitu Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Husaini bin Omar. Saya yakin dengan pengalaman beliau yang luas dalam pengurusan universiti sebelum ini, UMK akan dapat melakar pelbagai pencapaian yang lebih membanggakan pada masa hadapan.



Akhir kata, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga kerja universiti atas komitmen yang ditunjukkan sepanjang tahun 2017 dan saya harapkan agar usaha-usaha tersebut akan dipergiatkan lagi pada tahun 2018 dan pada tahun-tahun seterusnya.

Terima kasih.

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Sri (Dr)
Hamad Kama Piah bin Che Othman.

“

Dalam melahirkan graduan holistik bercirikan keusahawanan dan seimbang, UMK telah menggiatkan lagi usaha komprehensif dengan penglibatan secara langsung Lembaga Pengarah Universiti, melalui *Action Group for Entrepreneurship Council* (AGE Council), yang telah berjaya menghubungkan universiti dengan pemain industri Malaysia seperti CELCOM Axiata Bhd., QSR Brands (M) Holdings Bhd. dan beberapa lagi nama besar korporat negara.

”



**LAPORAN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2017**



NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya serta inayah-Nya tahun 2017 telah melakar banyak kenangan manis bagi membangunkan sebuah Universiti Keusahawanan. UMK telah menyambut sepuluh (10) tahun penubuhan UMK sejak 2007. Kini UMK terus menempa nama di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa melalui pelbagai pencapaian yang dikecapi oleh pelajar, pentadbir mahupun pensyarah. UMK juga terus menempuh cabaran dan dugaan bagi menjadi universiti yang matang di samping menjadi institusi pengajian tinggi yang profesional berbintang bitarakan Integrasi ilmu keusahawanan. Disini suka untuk saya menyorot beberapa pencapaian yang berimpak sebagai rujukan bersama. Kejayaan dan kecemerlangan sesebuah organisasi tidak akan berjaya tanpa perancangan yang mantap serta kerjasama semua pihak. Justeru, UMK telah menggubal Pelan Strategik 2017-2020 bagi merealisasikan hasrat UMK untuk menjadi sebuah universiti keusahawanan. Dalam usaha menjadikan UMK dirujuk, sebanyak 7 teras, 22 strategi dan pelan tindakan meliputi aspek sumber manusia, kewangan, akademik dan antarabangsa, penyelidikan dan inovasi, keusahawanan dan sosioekonomi, akademik, tadbir urus tranformasi penyampaian serta penjenamaan untuk penjarangan strategik telah di kenal pasti.

Akademik dan Antarabangsa

Bidang akademik UMK juga terus menunjukkan perkembangan. UMK telah membangunkan lagi fakulti iaitu Fakulti Seni bina & Ekistik (FAE), Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) dan Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi. Selain itu, UMK juga telah menawarkan program *2u2i* dalam bidang Sarjana Keusahawanan. Dari segi populariti pula, UMK telah meningkatkan kedudukan dalam ranking UA.

Jaringan Industri

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara UMK dengan Celcom Axiata Berhad yang diadakan pada 1 September 2016 bertempat di Menara Celcom, Kuala Lumpur. Memorandum ini adalah hasil inisiatif Y.Brs. En. Saiful Bahrin bin Abdul Ghaffar, Pengarah Perhubungan Kerajaan, USP & Pembangunan Vendor Celcom Axiata Berhad yang juga ahli AGE Council UMK. Hasil daripada jaringan kerjasama ini maka Kiosk Celcom (*Blue Cube*) dan Kampus dengan dua syarikat siswa NSR Group Enterprise,

Thinker Biz. Manakala Digital *business* bersama 76 pelajar UMK melalui *11street* dan celcom *hotspot* di UMK Bachok dan UMK Kampus Jeli.

Selain itu jaringan industri melalui MoU antara UMK dan MFPC bertarikh 06 Disember 2016 juga memberi impak yang besar. UMK telah di lantik sebagai *Education provider for RFP dan syariah Capstone pogramme*. Banyak lagi kerjasama yang telah dilaksanakan bersama pihak industri bagi pembangunan universiti yang telah memberi impak yang cukup besar kepada UMK.

Penyelidikan dan Inovasi

Hasil projek 48 orang pelajar berjaya menghasilkan kultur tisu bagi pengeluaran produk untuk tujuan pertanian. Diajar dalam subjek FPE2153 – Teknologi Kultur Tisu dan turut diusahakan oleh syarikat pelajar Plantzchen Technology Enterprise. Nilai jualan anak pokok pisang bermula Semester September 2016 ialah RM5,000.00 (2,000 anak pokok pisang). Pelajar yang terlibat adalah dari program ISM Teknologi Kreatif dengan kepujian yang mengambil kursus Keusahawanan dan Sosio Ekonomi.

Penanaman Pokok Gaharu

Penanaman 10,000 pokok gaharu adalah sebagai langkah menghijaukan UMK kampus Jeli. Penanaman ini adalah hasil kerjasama antara UMK bersama TESCO dan MTB dalam mewujudkan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya mengadakan aktiviti menghutankan semula kawasan kita. Program ini yang melibatkan pelajar dan masyarakat telah diiktiraf oleh The Malaysia Book of Records (MBR).

Projek Lembangan Pengkalan Datu

Kerjasama Persatuan WASPADA di mana UMK sebagai penasihat persatuan. Seminar Lembangan Pangkalan Datu dengan penyertaan 60 orang peserta dan sebanyak 11 Kertas Kerja dibentangkan oleh pensyarah UMK. Merupakan daya tarikan baharu ekonomi dan pelancongan warisan ekosistem dan sebagainya. Penasihat Sosio-Budaya Kerajaan Persekutuan, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, berhasrat untuk membawa hasil kajian dan penyelidikan oleh Kluster Warisan dan Peradaban UMK, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berkaitan Lembangan

Sungai Pengkalan Datu (LSPD) kepada Kerajaan Pusat memandangkan kawasan itu kaya dengan khazanah warisan dan nilai sejarah. Pelancaran buku Jejak Warisan dan Pembangunan Lembangan Sungai Pengkalan Datu, di Restoran Cerana, Kota Bharu, Kelantan, 22 Mei 2017. Seramai 400 pelajar UMK dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Fakulti Seni Bina dan Ekistik (FAE) dan Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) terbabit dengan penyelidikan.

Project Global Innovation and Entrepreneurship Foundation (GIEF)

RM 1 juta untuk Global Innovation and Entrepreneurship Foundation. GIEF merupakan satu pendekatan untuk memperkenalkan buluh sebagai salah satu bahan yang mampu menjana ekonomi negara. Kerjasama dalam 5 kluster penyelidikan iaitu makanan, fabrik, fesyen, perabot dan muzik dipertimbangkan untuk pengkomersialan.

Pembangunan Industri Buluh

Kawasan seluas 5 ekar telah dikenal pasti di UMK Kampus Jeli untuk dibangunkan sebagai ladang rintis bagi tanaman buluh. Projek ini akan menjadi sebahagian dari komponen dalam Agro Techno Park (ATP).

Tadbir Urus dan Tranformasi Penyampaian

Prestasi pengurusan kewangan UMK mengikut kawalan utama akauntabiliti telah mendapat penarafan empat (4) bintang pada tahun 2017. Dalam bidang bajet, pengurusan, terimaan, pelaburan dan pinjaman semuanya mencatatkan 5 bintang dan yang lain adalah empat bintang.

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed



Kini UMK terus menempa nama di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa melalui pelbagai pencapaian yang dikecapi oleh pelajar, pentadbir mahupun pensyarah. UMK juga terus menempuh cabaran dan dugaan bagi menjadi universiti yang matang di samping menjadi institusi pengajian tinggi yang profesional berbintang bitarakan Integrasi ilmu keusahawanan.





**PENCAPAIAN
UNIVERSITI
WOW FACTOR UMK
2017**



PENCAPAIAN UNIVERSITI SEPANJANG TAHUN 2017

UMK sebagai sebuah Universiti Awam (UA) yang sentiasa komited dalam menghasilkan graduan yang bermutu dan memenuhi keperluan sumber manusia yang kompeten dan berdaya saing. UMK sentiasa berusaha menambah baik mutu perkhidmatan dalam segenap bidang penyampaian termasuk akademik mahupun bukan akademik.



2 Pingat Emas

Produk Handy-Z Gout Relief (*Natural Remedis*) dan Ergonomik Sofa@Ergosoft di Pameran Minggu Penyelidikan dan Inovasi serta Karnival STEM Negeri Kelantan dengan kerjasama daripada Majlis Professor Negara, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan STEM Movement Negeri Kelantan.



Pusat Sumber Digital

Berjaya membangunkan pusat sumber digital, yang dikenali sebagai MOOC Production Centre of UMK dengan jalinan kerjasama ERASMUS+ melalui projek Media Literacy Competence for Social Change by European Union dengan menawarkan 36 kursus atas talian berbanding dengan purata 20 kursus yang ditawarkan oleh Massive Online Open Course (MOOC) universiti lain.



Pengiktirafan Malaysian Book of Records (MBR)

Penanaman Pokok Karas Terbanyak dengan catatan rekod sebanyak 6,000 anak pokok karas atau gaharu di Bukit Gaharu, Taman Agropark UMK, Kampus Jeli. Program penanaman pokok gaharu yang dikategorikan antara spesies pokok terancam ini adalah anjuran Fakulti Sains Bumi dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan TESCO.



Dana Sebanyak RM 1 Juta

Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng untuk melaksanakan program inovasi dan penyelidikan keusahawanan dengan 11 rancangan projek yang akan dijalankan dalam tempoh 10 tahun. Projek Ikan Patin akan menjadi program inovasi pertama yang akan dijalankan dalam tempoh masa terdekat dengan penjenamaan ikan patin Jeli.



1 Pingat Perak dan 1 Gangsa

Karnival Inovasi P&P UKM 2017 bertajuk Where Is My O2 Dan See? daripada Fakulti Perubatan Veterinar.



Anugerah Buku Negara

Anugerah Khas: Buku R@D Terbaik (Rattan: Propagation, Properties and Utilization) & Anugerah Khas: Seni Kreatif Terbaik (The Art Of Making Wau Bulan Shafie Jusoh).



Emas Peringkat Kebangsaan

DBHM As Anti-Coagulant Agent, Malaysia Technology Expo 2017 daripada Fakulti Industri Asas Tani.



Emas Peringkat Kebangsaan

N-Macom: Nano-Magnetic Adsorbent Composite International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2017 daripada Fakulti Industri Asas Tani.

21 Produk

Diluluskan untuk pendaftaran harta intelek dimana sebanyak 17 produk telah difailkan permohonan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan 2 permohonan sedang diproses oleh ejen harta intelek.

45 Anugerah

Diraih oleh kakitangan UMK dalam pelbagai pertandingan yang telah disertai. Peningkatan ini disebabkan oleh sokongan yang diberikan oleh UMK dengan menggalakkan penyertaan kakitangan dalam pertandingan inovasi sama ada di dalam dan luar negara.

10 Projek Perundingan

Diterima dengan jumlah keseluruhan pendapatan sebanyak RM3,545,416. Pertambahan bilangan projek perundingan adalah hasil daripada fakulti yang membantu mempromosikan kepakaran kakitangan UMK kepada industri serta penambahbaikan prosedur perundingan bagi memudahkan penyelidik menjalankan projek perundingan.



Emas Peringkat Kebangsaan

Koleksi Emas Peringkat Kebangsaan Di International University Carnival On E-Learning (IUCEL) 2017.

- MOOC : 2E Towards 2S In Learning; Enhancing And Engaging (2E) Students Towards Satisfaction And Self Directed Access And Paced In Learning.
- Innovative Of Teaching And Learning In Technology Based Entrepreneurship.
- A Mobile Based Malaysian Sign Language Application.





RINGKASAN PRESTASI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2017



PETUNJUK PRESTASI UTAMA DAN PENCAPAIAN UMK 2017

BIL.	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENUNJUK KECEKAPAN	
		PENCAPAIAN TAHUN 2016	PENCAPAIAN TAHUN 2017
1.	Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan, pada tahun konvokesyen.	50.7%	58.4%
2.	Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti.	0.29	0.4
3.	Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti.	2.2	3.5
4.	Jumlah penjanaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus, yang telah ditetapkan.	21%	29%
5.	Peratus keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di universiti:		
	(i) Sarjana Muda	12%	9%
	(ii) Sarjana	45%	28%
	(iii) PhD	60%	43%
6.	Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (IGOT) di universiti:		
	(i) Sarjana Muda	81%	84%
	(ii) Sarjana	6%	38%
	(iii) PhD	0%	14%
7.	EPP 12: Menjuarai sebagai Jenama Pendidikan Malaysia di Peringkat Antarabangsa:		
	(i) Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa	99	75
	(ii) Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa pascasiswazah.	86	60

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) UMK 2017-2020



BIL.	TERAS STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	
1.	SUMBER MANUSIA Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berintegriti bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dan profesional.	1	KOMPETENSI STAF DAN PROFESIONAL
		2	PENGIKTIRAFAN DAN KEPAKARAN
		3	KEPIMPINAN DAN BAKAT
2.	KEWANGAN Menjana pendapatan dan mengoptimumkan perbelanjaan yang dapat menyokong kelestarian universiti.	1	PENJANAAN PENDAPATAN
		2	KECEKAPAN KOS
		3	ENDOWMENT DAN WAKAF
3.	AKADEMIK DAN ANTARABANGSA Membangun dan mengantarabangsa program pengajian serta aktiviti akademik Universiti yang lebih dinamik dan berdaya saing.	1	KECEMERLANGAN AKADEMIK
		2	PENGANTARABANGSAAN
		3	PEMBELAJARAN TAHAP GLOBAL
4.	PENYELIDIKAN DAN INOVASI Memastikan penyelidikan dan inovasi mampu memberi impak kepada masyarakat melalui libatsama universiti, kerajaan industri dan komuniti.	1	KEUPAYAAN PENYELIDIKAN
		2	PENERBITAN DAN SITASI PENYELIDIKAN
		3	JARINGAN DAN JANGKAUAN
5.	KEUSAHAWANAN DAN SOSIO-EKONOMI Menerapkan budaya usahawan yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, persekitaran dan industri.	1	KEBOLEHPASARAN GRADUAN
		2	GRADUAN HOLISTIK BERCIRIKAN KEUSAHAWANAN DAN SEIMBANG
		3	PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT
		4	LIBATSAMA KEUSAHAWANAN
6.	TADBIR URUS & TRANSFORMASI PENYAMPAIAN Memperteguh tadbir urusan yang efisien dan sistematik serta membangun infostruktur dan infrastruktur bagi menyokong persekitaran kondusif.	1	KEUTUHAN TADBIR URUS
		2	KEUPAYAAN PERKHIDMATAN ICT
		3	PEMBANGUNAN PRASARANA DAN KEMUDAHAN
		4	PENGURUSAN ILMU
7.	PENJENAMAAN UNTUK PENJAJARAN STRATEGIK Mencipta imej dan identiti tersendiri yang menggambarkan reputasi sesebuah organisasi melalui petunjuk yang ketara dan tidak ketara.	1	MEMBINA KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN
		2	KOLABORASI RAKAN STRATEGIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN
		3	KEBOLEHLIHATAN (<i>VISIBILITY</i>)
		4	PENJENAMAAN KANDUNGAN

RINGKASAN PENCAPAIAN UMK 2017

Pencapaian universiti diukur berdasarkan KPI yang telah ditetapkan di setiap pusat tanggungjawab (PTJ) melalui pengkalan Data Universiti yang dikenali sebagai MBoard. Penilaian pencapaian adalah berdasarkan skala pengukuran yang telah ditetapkan bagi memudahkan proses pemantauan dilakukan. Pengukuran skala seperti di jadual berikut.

SKALA PENGUKURAN PENCAPAIAN

Dalam Pelaksanaan	≤ 50% Sasaran	51-89% Sasaran	≥ 90% Sasaran
-------------------	------------------	-------------------	------------------

Petunjuk :

Dalam pelaksanaan	Dalam pelaksanaan
Dibawah Sasaran 50%	Dibawah Sasaran 50%
Mencapai Sasaran 51% - 89 %	Mencapai Sasaran 51% - 89 %
Melebihi Sasaran 90%	Melebihi Sasaran 90%

TERAS STRATEGIK 1: SUMBER MANUSIA

Ditakrifkan sebagai:

Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten, berintegriti, berkualiti dan profesional.

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 1: KOMPETENSI STAF DAN PROFESIONAL					
1.	Peratusan staf akademik antarabangsa. (Lonjakan 8)	8%	8%	8.41%	105%
2.	Peratus staf akademik berpengalaman industri / keusahawanan.	23.3%	23%	25.23%	110%
3.	Peratusan staf akademik berkeelayakan PhD / Profesional.	40.8%	45%	48.86%	109%
4.	Peratusan staf akademik mengikut kategori				
	• Profesor / Felo Utama	8%	9%	8.40%	93%
	• Profesor Madya / Felo Kanan	9%	15%	10.5%	70%
	• Pensyarah Kanan	83%	76%	87.5%	115%

NOTA: Berdasarkan staf akademik aktif (440 orang) berbanding jumlah keseluruhan staf akademik sebanyak 559 orang.

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 2: PENGIKTIRAFAN DAN KEPAKARAN					
1.	Peratusan staf akademik yang terlibat dengan mobiliti dalam negara (<i>inbound</i>) dan luar negara (<i>outbound</i>). (Lonjakan 8)	2%	3%	1.6%	53%
2.	Peratus staf akademik yang dilantik sebagai pakar rujuk/ penasihat/ badan profesional di peringkat tempatan dan antarabangsa.	-	15%	36.8%	245%

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 3: KEPIMPINAN DAN BAKAT					
1.	Peratusan pelaksanaan laluan kerjaya pelbagai untuk staf akademik. (Lonjakan 2)	5%	50%	36.5%	73%
2.	Bilangan bakat ulung antarabangsa yang dicalonkan bagi menganggotai ahli lembaga pengarah universiti, kepimpinan tertinggi IPT, dan ketua jabatan di IPTA. (Lonjakan 2)	-	-	*	*
3.	Peratus kelompok bakat staf yang dilatih untuk pelan penggantian.		12%	**	**

Nota:* Proses kerja sedang dibangunkan bagi memenuhi sasaran 1 orang pada tahun 2018 memandangkan ia merupakan KPI baharu

** Pusat Bakat dalam proses membuat penilaian kelompok bakat untuk pelan penggantian melibatkan 15 skim jawatan di universiti dalam usaha melaksanakan profiling.



TERAS STRATEGIK 2: KEWANGAN

Ditakrifkan sebagai:

Menjana pendapatan dan mengoptimumkan perbelanjaan yang dapat menyokong kelestarian universiti.

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 1: PENJANAAN PENDAPATAN					
1.	Peratus pendapatan yang dijana sendiri oleh universiti berbanding jumlah belanja mengurus (RM) berdasarkan: kumpulan wang mengurus	27%	15%	28%	187%
	• Jumlah Pendapatan (Yuran pelajar dan pendapatan lain)	41,252,263		41,434,324	
	• Jumlah Belanja Mengurus	152,458,394		147,160,736	
2.	Jumlah keseluruhan pendapatan melalui hasil universiti (RM) berdasarkan penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. (Yuran pelajar dan pendapatan lain)	54,774,091	-	59,445,998	
3.	Jumlah pendapatan menerusi aktiviti RDC dan konsultansi (RM).	-	3.4 juta	3,545,325	104%
4.	Jumlah pendapatan yang dijana oleh anak syarikat (RM).	13 juta	15.8 juta	8,093,439	51%
5.	Jumlah pendapatan yang dijana oleh PTj melalui aktiviti yang diluluskan (RM).	6.5 juta	10 juta	12,499,574	125%

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 2: KECEKAPAN KOS					
1.	Jumlah kos tahunan bagi setiap pelajar FTSE (<i>Full Time Student Equivalent</i>)				
	• <i>Health Sciences</i>	-	< RM50,000	UG: RM20,253 PG: RM25,808 RM 46,061	108.6%
	• <i>Social Sciences</i>	-	< RM15,000	UG: RM16,755 PG: RM15,419 RM 32,174	46.62%
	• <i>Science Technology</i>	-	< RM25,000	UG: RM17,375 PG: RM21,114 RM 38,489	65%

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 3: ENDOWMENT DAN WAKAF					
1.	Jumlah dana endowment yang diterima. (Lonjakan 5)	0.1 juta	1 juta	18,246,005	1824%
2.	Jumlah dana wakaf yang diterima. (Lonjakan 5)	-	0.5 juta	0 *	0% *

Nota: * Pelaksanaan sebenar akan direalisasikan pada tahun 2018 melalui kerjasama MAIK.



TERAS STRATEGIK 3: AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

Ditakrifkan sebagai:

Membangun program pengajian serta aktiviti akademik Universiti yang lebih dinamik dan berdaya saing di peringkat global.

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 1: KECEMERLANGAN AKADEMIK					
1.	Bilangan keseluruhan enrolmen pelajar				
	• Pelajar prasiswazah (UG)	9,983	11,000	8,747	79.5%
	• Pelajar pascasiswazah (PG)	684	1000	595	59.5%
2.	Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (IGOT) (<i>intake graduate on time</i>) (Lonjakan 5), MKPI				
	• Sarjana Muda	81%	85%	84%	99%
	• Sarjana	6%	30%	38%	127%
	• PhD	0%	30%	14%	47%
3.	Peratusan kadar keciciran (<i>attrition rate</i>) (Lonjakan 5), MKPI				
	• Sarjana muda	12%	<7%	9%	78%
	• Sarjana	45%	<18%	28%	64%
	• PhD	60%	<19%	43%	44%
4.	Peratus program yang menggunakan ICGPA (Lonjakan 1)	-	100%	100%	100%
				(8 fakulti, 24 program, 748 pelajar)	
5.	Bilangan kumulatif kursi akademik	-	1	0	0%
6.	Bilangan pelajar yang terlibat dalam program pengajian yang melaksanakan mod program fleksibel				
	• 3+1	29	300	877	292%
	• 2u2i	50	60	60	100%
7.	Bilangan pelajar non-tradisional	40	140	664	474%

Nota: *Dalam usaha mendapatkan sumbangan badan korporat bagi memastikan ada penawaran terhadap kursi akademik.

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 2: PENGANTARABANGSAAN					
1.	Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa (Lonjakan 8)				
	Peringkat prasiswazah (<i>undergraduate</i>)	13	10	15*	150%
	Peringkat pascasiswazah (<i>postgraduate</i>)	86	140	60	43%
2.	Bilangan pelajar di bawah program mobiliti (<i>outbound</i>) pertukaran pelajar dengan universiti luar (Lonjakan 8)	10	15	82	547%
3.	Bilangan program yang diiktiraf atau diberi akreditasi pada peringkat antarabangsa	-	-	1	100%
4.	Bilangan kerjasama melalui alumni antarabangsa	-	-	0	0% **

Nota:* Berdasarkan glosari (OD) KPT dan sumber MyMoheS semasa, data pelajar antarabangsa adalah tidak termasuk pelajar mobiliti. Ini bermakna dalam rekod UMK, mempunyai seramai 60 orang pelajar mobiliti. Jika termasuk dalam OD iaitu satu pelajar sepenuh masa bersama dengan 3 pelajar FTSE (Full Time Student Exchange) maka jumlah pelajar prasiswazah

[15 + (60/3) = 35 pelajar]

**Pejabat HEPA melalui Unit Alumni akan merangka strategi Alumni UMK bagi memastikan sasaran mampu dicapai.

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 3: PEMBELAJARAN TAHAP GLOBAL					
1.	Bilangan kursus yang menggunakan kursus MOOC dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran. (Lonjakan 9)	3	30	29	97%
2.	Bilangan pelajar yang berdaftar dalam MOOC Malaysia. (Lonjakan 9)	200	2,500	2,808	112%
3.	Peratus kursus pembelajaran bersepadu (<i>blended learning</i>) yang ditawarkan oleh IPTA. (Lonjakan 9)	50%	70%	73%	104%

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 4 : JARINGAN DAN JALINAN KERJASAMA					
1.	Bilangan pihak industri yang menerima pelajar dan staf universiti untuk latihan dan program sangkutan.	-	120	282	235%
2.	Bilangan aktiviti MoU dan MoA berorientasikan akademik.	17	20	12	60%
3.	Bilangan pihak industri yang terlibat dalam aktiviti akademik.	-	50	90	180%



TERAS STRATEGIK 4: PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Ditakrifkan sebagai:

Menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang mampu memberi impak kepada masyarakat melalui libatsama universiti, kerajaan, industri dan komuniti.

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 1: KEUPAYAAN PENYELIDIKAN					
1.	Jumlah peruntukan geran penyelidikan dalam negara dan luar negara (RM Juta)				
	• Dana penyelidikan antarabangsa	750,000 (1 Projek)	1.5 juta	0 *	0% *
	• Dana penyelidikan industri/ luar	-	1.5 juta	236,850 (8 Projek)	16%
	• Dana penyelidikan kerajaan	2,520,336 (24 Projek)	3.5 juta	1,898,400 (37 Projek)	87%
	• Dana Universiti	703,150 (56 Projek)		1,152,000 (99 projek)	

Nota: *Menggiatkan usaha "Townhall" untuk mengukuhkan budaya penyelidikan dalam kalangan staf akademik.

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 2: PENERBITAN DAN SITASI PENYELIDIKAN					
1.	Penerbitan dalam jurnal berindeks SCOPUS /WOS /ERA. (Lonjakan 7), MKPI	0.25	0.5	0.4	80%
2.	Bilangan pembentangan kertas kerja.	89	100	29	29%
3.	Sitasi penerbitan bagi 5 tahun terakhir (Lonjakan 7), MKPI				
	Nisbah sitasi bagi setiap staf akademik.	2.2	3.0	3.5	117%
	Jumlah kumulatif sitasi penyelidikan lima tahun terakhir.	806	1,000	1420	99%

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 3: JARINGAN DAN JANGKAUAN					
1.	Jumlah pendapatan yang dijana daripada aktiviti perundingan/ konsultansi (RM juta).	0.58j	0.65j	3,545,325	545%
2.	Bilangan projek perundingan.	-	54	13	24%
3.	Bilangan aktiviti MoU/MoA berorientasikan penyelidikan.	-	-	4	100%

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 4: PEMINDAHAN TEKNOLOGI, HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSIALAN					
1.	Jumlah penajaan daripada inisiatif pengkomersialan dan sebagai penyedia penyelesaian masalah (RM). (Lonjakan 7)	1,091,146	1.78 juta	3,593,796	202%
2.	Bilangan hasil atau produk penyelidikan yang dikomersialkan.	3	5	0	0%*
3.	Bilangan harta intelek (IP).	1	16	21	131%

*Nota: *Dalam usaha mewujudkan syarikat inovasi di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bagi memastikan penajaan pendapatan melalui penjualan produk hasil inovasi penyelidikan yang dihasilkan oleh penyelidik. Syarikat ini juga akan bertindak untuk komersialkan produk inovasi kepada pihak umum dengan matlamat inovasi ini dapat dijual. 11 produk inovasi yang berpotensi telah dikenalpasti.*



TERAS STRATEGIK 5: KEUSAHAWANAN DAN SOSIO-EKONOMI

Ditakrifkan sebagai:

Menerapkan budaya keusahawanan yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, persekitaran dan industri.

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 1: KEBOLEHPASARAN GRADUAN					
1.	Peratusan kebolehpasaran graduan yang bekerja (Lonjakan 1), MKPI				
	• Semasa konvokesyen	50.7%	70%	58.4%	83%
	• Enam bulan selepas konvokesyen	79.8%	80%	67.33%	84%

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 2: GRADUAN HOLISTIK BERCIRIKAN KEUSAHAWANAN DAN SEIMBANG					
1.	Peratusan graduan yang menjadi usahawan selepas menamatkan pengajian (6 hingga 12 bulan).	3.62%	10%	5.72%	57.2%
2.	Peratusan pelaksanaan penilaian sendiri indeks patriotisme dan perpaduan nasional pada tahap 2 dalam Kalangan pelajar . (Lonjakan 1)	-	80%	97% (Tahun 1)	121%
3.	Peratusan pelajar IPT yang mendapat pendedahan keusahawanan semasa dalam pengajian.	100%	100%	100%	100%
4.	Peratusan pelajar IPT menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian.	3.5%	10%	7.14%	71%
5.	Bilangan tenaga pengajar dalaman dan tenaga pengajar luar yang mempunyai kepakaran keusahawanan dan membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan pelajar.	18	30	25	83%
6.	Peratusan mahasiswa yang terlibat dalam program <i>soft skill Excellent@UMK</i> .	-	60%	100%	166%

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 3: PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)					
1.	Bilangan enrolmen dalam program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) [Formal/Tidak Formal/ Informal] .(Lonjakan 3)	1,570	1,700	12,300	723%
2.	Bilangan calon PSH yang memperoleh kelayakan formal (Lonjakan 3)	-	-	72	100%
3.	Bilangan enrolmen PSH dalam program inovatif (Program PSH Berkredit). (Lonjakan 3)	-	-	0	0%*

Nota: *Akan menyemak semula strategi berdasarkan glosari (OD) yang dikeluarkan oleh KPT.

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 4: LIBATSAMA KEUSAHAWANAN					
1.	Bilangan syarikat pembimbing kepada syarikat pelajar.	-	200	18	9%
2.	Bilangan aktiviti keusahawanan sosial kepada masyarakat.	-	3	6	200%
3.	Peratusan majikan berkualiti di mana graduan bekerja.	-	30%	100%	333%
4.	Peratusan syarikat graduan yang berjaya (jualan minimum RM 50,000 setahun).	-	5%	8.18%	164%



TERAS STRATEGIK 6: TADBIR URUS & TRANSFORMASI PENYAMPAIAN

Ditakrifkan sebagai:

Memperteguh tadbir urus yang efisien dan sistematik serta membangun infostruktur dan infrastruktur bagi menyokong persekitaran kondusif.

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 1: PENGURUSAN ILMU					
1.	Jumlah penggunaan perpustakaan sebagai pusat rujukan masyarakat setempat.	566,447	624,507	2,209,786	354%

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 2: KEUTUHAN TADBIR URUS					
1.	Bilangan pengiktirafan, pensijilan dan penarafan yang diperolehi.	6	7	7	100%

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 3: KEUPAYAAN PERKHIDMATAN ICT					
1.	Peratusan <i>up-time</i> rangkaian universiti.	80%	85%	99.55%	117%
2.	Peratusan sistem maklumat bersepadu universiti.	50%	60%	98.33%	164%

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	CAPAI 2016	SASAR 2017	CAPAI 2017	(%) PENUNJUK PENCAPAIAN 2017
KPI 4: PEMBANGUNAN PRASARANA DAN KEMUDAHAN					
1.	Nisbah ruang lantai mengikut piawaian EPU				
	• Pengajaran dan pembelajaran	1:1.6	1:1.8	1:1.69	100%
	• Penyelidikan	-	TBD *	0	0%*
	• Perkhidmatan sokongan	-	TBD *	1:1.58	100%
2.	Peratusan luas lantai inkubator dan kiosk keusahawanan.	-	TBD *	0	0%*

Nota: * TBD-dalam penilaian dan penentuan formula.



TERAS STRATEGIK 7: PENJENAMAAN UNTUK PENJAJARAN STRATEGIK

Ditakrifkan sebagai:

Mencipta imej dan identiti tersendiri yang menggambarkan reputasi sesebuah organisasi melalui petunjuk yang ketara dan tidak ketara.

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN 2018	SASARAN 2019	SASARAN 2020
KPI: MEMBINA KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN				
1.	Indeks identiti korporat			
	• Dalaman	60%	70%	80%
	• Luaran	50%	60%	70%

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN 2018	SASARAN 2019	SASARAN 2020
KPI: KOLABORASI RAKAN STRATEGIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN				
1.	Bilangan program yang terlibat melalui libatsama			
	• Pelajar	10	12	14
	• Staf	5	6	7
	• Alumni	3	4	5
	• Komuniti	3	4	5
	• Media	10	12	13
	• Lain-lain rakan strategik	6	7	8

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN 2018	SASARAN 2019	SASARAN 2020
KPI: KEBOLEHAN (<i>VISIBILITY</i>)				
1	Bilangan pengikut (<i>followers</i>) menerusi media sosial			
	• Facebook	21,600	25,920	31,104
	• Instagram	2,160	2,592	3,110
	• UMKTV	3,452	4,143	4,971
	• UMK Web (<i>Google Analytics - User</i>)	127,024	139,726	153,699
	• <i>Advertising Value Equivalent (Ave)</i>	1,500,000	1,950,000	2,535,000
	• <i>Public Relations Value</i>	2,250,000	3,375,000	5,062,500

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN 2018	SASARAN 2019	SASARAN 2020
KPI: PENJENAMAAN KANDUNGAN				
1.	Bilangan berita dan dokumentari yang dihasilkan			
	• Kepakaran penyelidikan	10	12	14
	• Kepakaran akademik	20	24	29
	• Ikon pelajar / personaliti	10	12	14
	• Ikon staf / personaliti	10	12	14
	• Ekosistem (pembangunan fasiliti)	10	12	14
	• Liputan isu di peringkat nasional (<i>national coverage</i>)	10	12	14


BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN 2018	SASARAN 2019	SASARAN 2020
KPI: PEMANTAUAN JENAMA TAK KETARA (<i>INTANGIBLE BRAND MONITORING</i>)				
1.	Peratusan aktiviti yang dilaksanakan berdasarkan pelaksanaan program			
	• Indeks pengalaman kampus	70%	75%	80%
	• Kefahaman budaya korporat	50%	55%	60%
	• Kesedaran (dalaman)	70%	75%	80%
	• Kesedaran (luaran)	60%	65%	68%
2.	Peraturan dan pemakaian yang seragam berkaitan dengan polisi komunikasi (<i>communication policy</i>).	2	3	4

Nota: Kesemua Petunjuk Prestasi (KPI) dalam teras ini akan mula digunakan pada 2018.





ANALISA PRESTASI KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

- Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan
 - Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti
 - Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang (Asas Tunai)
 - Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti
 - Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti
 - Aset, Tanggungan dan Kumpulan Wang (Kumpulan)
 - Aset, Tanggungan dan Kumpulan Wang (Universiti)
 - Ringkasan Kedudukan Kewangan UMK Bagi Tempoh 5 Tahun
- 




PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN

Keseluruhan pendapatan kumpulan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM246.49 juta berbanding RM297.98 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM51.49 juta atau 17.28%. Manakala keseluruhan perbelanjaan kumpulan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM183.56 juta berbanding RM187.75 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM4.19 juta atau 2.23%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan kumpulan adalah seperti dalam Jadual 1 dan Carta 1.

PERKARA/TAHUN	2017	2016	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
PENDAPATAN	246.49	297.98	(51.49)	(17.28)
PERBELANJAAN	183.56	187.75	(4.19)	(2.23)

Jadual 1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan




Carta 1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan

Pendapatan kumpulan yang berjumlah RM246.49 juta (2016 : RM297.98 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM185.43 juta (2016 : RM242.61 juta), yuran pelajar sebanyak RM35.74 juta (2016 : RM35.28 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM25.32 juta (2016 : RM20.09 juta). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 75.23% daripada jumlah keseluruhan pendapatan kumpulan. Perbandingan komposisi sumber pendapatan kumpulan adalah seperti Jadual 2 dan Carta 2.

PERKARA/TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
PEMBERIAN KERAJAAN	185.43	75.23	242.61	81.42
YURAN PELAJAR	35.74	14.50	35.28	11.84
PENDAPATAN LAIN	25.32	10.27	20.09	6.74
JUMLAH	246.49	100.00	297.98	100.00

Jadual 2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan




Carta 2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan

Perbelanjaan kumpulan yang berjumlah RM183.56 juta (2016 : RM187.75 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM60.75 juta (2016 : RM54.39 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM91.21 juta (2016 : RM103.07 juta), pemberian & kenaan bayaran tetap sebanyak RM4.77 juta (2016 : RM5.93 juta), perbelanjaan lain RM8.49 juta (2016 : RM7.64 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM18.34 juta (2016 : RM16.72 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 49.69% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan kumpulan. Perbandingan komposisi perbelanjaan kumpulan adalah seperti Jadual 3 dan Carta 3.

PERKARA/TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
EMOLUMEN	60.75	33.09	54.39	28.97
PERKHIDMATAN & BEKALAN	91.21	49.69	103.07	54.90
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	4.77	2.60	5.93	3.16
PERBELANJAAN LAIN	8.49	4.63	7.64	4.07
SUSUT NILAI TAHUNAN	18.34	9.99	16.72	8.90
JUMLAH	183.56	100.00	187.75	100.00

Jadual 3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan




Carta 3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN UNIVERSITI

Keseluruhan pendapatan universiti bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM244.88 juta berbanding RM297.39 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM52.51 juta atau 17.66%. Manakala keseluruhan perbelanjaan universiti bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM185.54 juta berbanding RM192.28 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM6.74 juta atau 3.51%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan universiti adalah seperti dalam Jadual 4 dan Carta 4.

PERKARA/TAHUN	2017	2016	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
PENDAPATAN	244.88	297.39	(52.51)	(17.66)
PERBELANJAAN	185.54	192.28	(6.74)	(3.51)

Jadual 4 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti




Carta 4 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti

Pendapatan universiti yang berjumlah RM244.88 juta (2016 : RM297.39 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM185.43 juta (2016 : RM242.61 juta), yuran pelajar sebanyak RM35.74 juta (2016 : RM35.28 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM23.71 juta (2016 : RM19.50 juta). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 75.72% daripada jumlah keseluruhan pendapatan universiti. Perbandingan komposisi sumber pendapatan universiti adalah seperti Jadual 5 dan Carta 5.

PERKARA/TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
PEMBERIAN KERAJAAN	185.43	75.72	242.61	81.58
YURAN PELAJAR	35.74	14.60	35.28	11.86
PENDAPATAN LAIN	23.71	9.68	19.50	6.56
JUMLAH	244.88	100.00	297.39	100.00

Jadual 5 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Universiti




Carta 5 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Universiti

Perbelanjaan universiti yang berjumlah RM185.54 juta (2016 : RM192.28 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM60.74 juta (2016 : RM54.44 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM95.60 juta (2016 : RM107.43 juta), pemberian & kenaan bayaran tetap sebanyak RM4.77 juta (2016 : RM8.14 juta), perbelanjaan lain RM6.83 juta (2016 : RM6.30 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM17.60 juta (2016 : RM15.97 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 51.52% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan universiti. Perbandingan komposisi perbelanjaan universiti adalah seperti Jadual 6 dan Carta 6.

PERKARA/TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
EMOLUMEN	60.74	32.74	54.44	28.31
PERKHIDMATAN & BEKALAN	95.60	51.52	107.43	55.87
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	4.77	2.57	8.14	4.23
PERBELANJAAN LAIN	6.83	3.68	6.30	3.28
SUSUT NILAI TAHUNAN	17.60	9.49	15.97	8.31
JUMLAH	185.54	100.00	192.28	100.00

Jadual 6 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Universiti



Carta 6 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Universiti

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN WANG (ASAS TUNAI)


Perbelanjaan universiti dibiayai oleh empat (4) kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Mengurus, Pembangunan, Penyelidikan dan Amanah. Pendapatan dan perbelanjaan setiap kumpulan wang mengikut asas tunai adalah sebagaimana berikut:

A. KUMPULAN WANG MENGURUS

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM147.14 juta berbanding RM189.08 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM41.94 juta atau 22.18%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM154.14 juta berbanding RM158.07 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM3.93 juta atau 2.49%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti dalam Jadual 7 dan Carta 7.

PERKARA/TAHUN	2017	2016	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
PENDAPATAN	147.14	189.08	(41.94)	(22.18)
PERBELANJAAN	154.14	158.07	(3.93)	(2.49)

Jadual 7 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus




Carta 7 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus

Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM147.14 juta (2016 : RM189.08 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM105.71 juta (2016 : RM147.83 juta), yuran pelajar sebanyak RM26.62 juta (2016 : RM26.48 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM14.81 juta (2016 : RM14.77 juta). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 71.84% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti Jadual 8 dan Carta 8.

PERKARA/TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
PEMBERIAN KERAJAAN	105.71	71.84	147.83	78.18
YURAN PELAJAR	26.62	18.09	26.48	14.01
PENDAPATAN LAIN	14.81	10.07	14.77	7.81
JUMLAH	147.14	100.00	189.08	100.00

Jadual 8 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus




Carta 8 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus

Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM154.14 juta (2016 : RM158.07 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM60.74 juta (2016 : RM54.44 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM81.52 juta (2016 : RM91.44 juta), pemberian & kenaaan bayaran tetap sebanyak RM2.57 juta (2016 : RM4.50 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan RM3.37 juta (2016 : RM4.44 juta), bayaran projek dalam kemajuan RM3.60 juta (2016 : RM1.17 juta) dan perbelanjaan lain RM2.34 juta (2016 : RM2.08 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 52.89% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti Jadual 9 dan Carta 9.

PERKARA/TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
EMOLUMEN	60.74	39.40	54.44	34.44
PERKHIDMATAN & BEKALAN	81.52	52.89	91.44	57.85
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	2.57	1.67	4.50	2.85
HARTANAH, LOJI & PERALATAN	3.37	2.19	4.44	2.81
PROJEK DALAM KEMAJUAN	3.60	2.33	1.17	0.74
PERBELANJAAN LAIN	2.34	1.52	2.08	1.31
JUMLAH	154.14	100.00	158.07	100.00

Jadual 9 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus




Carta 9 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus

B. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Tiada pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2017 berbanding RM53.52 juta pada tahun 2016. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM71.16 juta berbanding RM88.85 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM17.69 juta atau 19.91%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti dalam Jadual 10 dan Carta 10.

PERKARA/TAHUN	2017	2016	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
PENDAPATAN	-	53.52	(53.52)	(100.00)
PERBELANJAAN	71.16	88.85	(17.69)	(19.91)

Jadual 10 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan




Carta 10 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan

Tiada pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2017. Manakala pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2016 yang berjumlah RM53.52 juta adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM53.52 juta dan tiada pendapatan lain pada tahun 2016. Pemberian kerajaan yang berjumlah RM53.52 juta adalah peruntukan bagi Development Expenditure (DE). Jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan adalah merupakan pemberian kerajaan. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti Jadual 11 dan Carta 11.

PERKARA/TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
PEMBERIAN KERAJAAN	-	-	53.52	100.00
JUMLAH	-	-	53.52	100.00

Jadual 11 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan




Carta 11 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan

Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM71.16 juta (2016 : RM88.85 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM0.58 juta (2016 : RM6.43 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan RM7.18 juta (2016 : RM12.98 juta), bayaran projek dalam kemajuan RM59.56 juta (2016 : RM65.52 juta) dan perbelanjaan lain RM3.84 juta (2016 : RM3.92 juta). Perbelanjaan ke atas projek dalam kemajuan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 83.70% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti Jadual 12 dan Carta 12.

PERKARA/TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
PERKHIDMATAN & BEKALAN	0.58	0.81	6.43	7.24
HARTANAH, LOJI & PERALATAN	7.18	10.09	12.98	14.61
PROJEK DALAM KEMAJUAN	59.56	83.70	65.52	73.74
PERBELANJAAN LAIN	3.84	5.40	3.92	4.41
JUMLAH	71.16	100.00	88.85	100.00

Jadual 12 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan




Carta 12 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan

C. KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM1.51 juta berbanding RM3.17 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM1.66 juta atau 52.37%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM5.88 juta berbanding RM5.00 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.88 juta atau 17.60%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti dalam Jadual 13 dan Carta 13.

PERKARA/TAHUN	2017	2016	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
PENDAPATAN	1.51	3.17	(1.66)	(52.37)
PERBELANJAAN	5.88	5.00	0.88	17.60

Jadual 13 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan




Carta 13 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan

Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan yang berjumlah RM1.51 juta (2016 : RM3.17 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sahaja. Pemberian kerajaan bagi Kumpulan Wang Penyelidikan adalah terdiri daripada peruntukan penyelidikan untuk *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* sebanyak RM1.30 juta (2016 : RM1.39 juta) dan *Public Private Research Network (PPRN)* sebanyak RM0.21 juta (2016 : RM0.17 juta). Manakala tiada peruntukan diterima bagi *Knowledge Transfer Programme Grant (KTPG)* (2016 : RM0.06 juta), *Long Term Research Grant Scheme (LRGS)* (2016 : RM0.09 juta), *Prototype Research Grant Scheme (PRGS)* (2016 : RM0.23 juta), *Malaysian Research Assessment (MYRA)* (2016 : RM0.48 juta) dan *Transdisciplinary Research Grant Scheme (TRGS)* (2016 : RM0.75 juta). Peruntukan penyelidikan *FRGS* merupakan peruntukan penyelidikan yang terbesar iaitu 86.09% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti Jadual 14 dan Carta 14.

PERKARA/TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
PEMBERIAN KERAJAAN - FRGS	1.30	86.09	1.39	43.85
PEMBERIAN KERAJAAN - KTPG	-	-	0.06	1.89
PEMBERIAN KERAJAAN - LRGS	-	-	0.09	2.84
PEMBERIAN KERAJAAN - PRGS	-	-	0.23	7.26
PEMBERIAN KERAJAAN - MYRA	-	-	0.48	15.14
PEMBERIAN KERAJAAN - PPRN	0.21	13.91	0.17	5.36
PEMBERIAN KERAJAAN - TRGS	-	-	0.75	23.66
JUMLAH	1.51	100.00	3.17	100.00

Jadual 14 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan




Carta 14 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan

Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan yang berjumlah RM5.88 juta (2016 : RM5.00 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM4.57 juta (2016 : RM4.48 juta) pemberian & kenaan bayaran tetap sebanyak RM0.97 juta (2016 : RM0.33 juta), hartanah, loji & peralatan sebanyak RM0.27 juta (2016 : RM0.16 juta) dan perbelanjaan lain sebanyak RM0.07 juta (2016 : RM0.03 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 77.72% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti Jadual 15 dan Carta 15.

PERKARA/TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
PERKHIDMATAN & BEKALAN	4.57	77.72	4.48	89.60
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	0.97	16.50	0.33	6.60
HARTANAH, LOJI & PERALATAN	0.27	4.59	0.16	3.20
PERBELANJAAN LAIN	0.07	1.19	0.03	0.60
JUMLAH	5.88	100.00	5.00	100.00

Jadual 15 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan




Carta 15 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan

D. KUMPULAN WANG AMANAH

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM20.03 juta berbanding RM13.64 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM6.39 juta atau 46.85%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM11.13 juta berbanding RM9.67 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.46 juta atau 15.10%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti dalam Jadual 16 dan Carta 16.

PERKARA/TAHUN	2017	2016	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
PENDAPATAN	20.03	13.64	6.39	46.85
PERBELANJAAN	11.13	9.67	1.46	15.10

Jadual 16 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah




Carta 16 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah

Pendapatan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM20.03 juta (2016 : RM13.64 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM2.02 juta (2016 : RM0.12 juta), yuran pelajar sebanyak RM9.11 juta (2016 : RM8.80 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM8.90 juta (2016 : RM4.72 juta). Yuran pelajar merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 45.48% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Amanah. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti Jadual 17 dan Carta 17.

PERKARA/TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
PEMBERIAN KERAJAAN	2.02	10.09	0.12	0.88
YURAN PELAJAR	9.11	45.48	8.80	64.52
PENDAPATAN LAIN	8.90	44.43	4.72	34.60
JUMLAH	20.03	100.00	13.64	100.00

Jadual 17 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Amanah




Carta 17 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Amanah

Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM11.13 juta (2016 : RM9.67 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM0.01 juta (2016 : Tiada) perkhidmatan & bekalan sebanyak RM8.93 juta (2016 : RM5.09 juta), pemberian & kenaikan bayaran tetap sebanyak RM1.24 juta (2016 : RM3.31 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan RM0.37 juta (2016 : RM0.56 juta), dan perbelanjaan lain RM0.58 juta (2016 : RM0.26 juta). Tiada bayaran projek dalam kemajuan (2016 : RM0.45 juta) pada tahun 2017. Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 80.23% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti Jadual 18 dan Carta 18.

PERKARA/TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
EMOLUMEN	0.01	0.09	-	-
PERKHIDMATAN & BEKALAN	8.93	80.23	5.09	52.64
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	1.24	11.14	3.31	34.23
HARTANAH, LOJI & PERALATAN	0.37	3.33	0.56	5.79
PROJEK DALAM KEMAJUAN	-	-	0.45	4.65
PERBELANJAAN LAIN	0.58	5.21	0.26	2.69
JUMLAH	11.13	100.00	9.67	100.00

Jadual 18 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah




Carta 18 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah

PEROLEHAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN UNIVERSITI

Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan universiti bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM11.19 juta berbanding RM18.14 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM6.95 juta atau 38.31%. Perolehan hartanah, loji & peralatan universiti adalah merangkumi perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Mengurus sebanyak RM3.37 juta (2016 : RM4.44 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM7.18 juta (2016 : RM12.98 juta). Manakala perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Penyelidikan dan Amanah masing – masing berjumlah RM0.27 juta (2016 : RM0.16 juta) dan RM0.37 juta (2016 : RM0.56 juta). Perbandingan komposisi perolehan hartanah, loji & peralatan universiti mengikut kumpulan wang adalah seperti Jadual 19 dan Carta 19.

PERKARA/TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
KUMPULAN WANG MENGURUS	3.37	30.12	4.44	24.48
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	7.18	64.16	12.98	71.55
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	0.27	2.41	0.16	0.88
KUMPULAN WANG AMANAH	0.37	3.31	0.56	3.09
JUMLAH	11.19	100.00	18.14	100.00

Jadual 19 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kumpulan Wang)




Carta 19 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kumpulan Wang)

Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan universiti terdiri daripada perolehan bangunan & pembaikan bangunan berjumlah RM3.32 juta (2016 : RM3.39 juta), kemudahan & pembaikan kemudahan berjumlah RM0.49 juta (2016 : RM0.02 juta), kenderaan & jentera berjumlah RM0.73 juta (2016 : RM0.27 juta) serta alat kelengkapan berjumlah RM6.65 juta (2016 : RM14.46 juta). Perbandingan komposisi perolehan hartanah, loji & peralatan universiti mengikut kategori adalah seperti Jadual 20 dan Carta 20.

PERKARA/TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
BANGUNAN & PEMBAIKAN BANGUNAN	3.32	29.67	3.39	18.69
KEMUDAHAN & PEMBAIKAN KEMUDAHAN	0.49	4.38	0.02	0.11
KENDERAAN & JENTERA	0.73	6.52	0.27	1.49
ALAT KELENGKAPAN	6.65	59.43	14.46	79.71
JUMLAH	11.19	100.00	18.14	100.00

Jadual 20 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kategori)




Carta 20 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kategori)

TAMBAHAN PROJEK DALAM KEMAJUAN UNIVERSITI

Bayaran projek dalam kemajuan universiti adalah sebanyak RM63.16 juta berbanding RM67.14 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM3.98 juta atau 5.93%. Bayaran projek dalam kemajuan universiti merangkumi bayaran daripada Kumpulan Wang Mengurus sebanyak RM3.60 juta (2016 : RM1.17 juta) dan Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM59.56 juta (2016 : RM65.52 juta). Walau bagaimanapun tiada bayaran projek dalam kemajuan Universiti daripada Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2017 (2016 : RM0.45 juta). Jumlah projek dalam kemajuan yang diklasifikasikan ke hartanah, loji & peralatan adalah sebanyak RM1.62 juta (2016 : RM2.95 juta) bagi Kumpulan Wang Mengurus. Manakala, bagi Kumpulan Wang Pembangunan adalah sebanyak RM4.185 juta (2016 : RM24.27 juta) dan bagi Kumpulan Wang Amanah adalah sebanyak RM0.45 juta (2016 : Tiada). Perbandingan komposisi tambahan projek dalam kemajuan adalah seperti Jadual 21 dan Carta 21.

PERKARA/TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
KUMPULAN WANG MENGURUS	3.60	5.70	1.17	1.74
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	59.56	94.30	65.52	97.59
KUMPULAN WANG AMANAH	-	-	0.45	0.67
JUMLAH	63.16	100.00	67.14	100.00

Jadual 21 : Perbandingan Komposisi Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti



Carta 21 : Perbandingan Komposisi Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti

ASET, TANGGUNGAN DAN KUMPULAN WANG (KUMPULAN)

Keseluruhan aset kumpulan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM762.03 juta berbanding RM820.54 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM58.51 juta atau 7.13%. Aset kumpulan yang berjumlah RM762.03 juta (2016 : RM820.54 juta) adalah merangkumi hartanah, loji & peralatan sebanyak RM356.83 juta (2016 : RM320.44 juta), projek dalam kemajuan sebanyak RM98.94 juta (2016 : RM121.95 juta), pinjaman kakitangan sebanyak RM0.43 juta (2016 : RM0.20 juta) dan aset semasa sebanyak RM305.83 juta (2016 : RM377.95 juta).

Manakala keseluruhan tanggungan kumpulan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM115.94 juta berbanding RM192.96 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM77.02 juta atau 39.92%. Tanggungan kumpulan yang berjumlah RM115.94 juta

(2016 : RM192.96 juta) adalah merangkumi tanggungan semasa sebanyak RM18.35 juta (2016 : RM18.13 juta) dan tanggungan jangka panjang sebanyak RM97.60 juta (2016 : RM174.83 juta).


Jumlah rizab tunai kumpulan bagi tahun 2017 yang merangkumi tunai di tangan dan di bank serta simpanan tetap adalah sebanyak RM294.11 juta berbanding RM365.02 juta pada tahun 2016. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM70.91 juta iaitu 19.43%.

Jumlah aset bersih kumpulan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM646.08 juta berbanding RM627.58 juta pada tahun 2016. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM18.50 juta iaitu 2.95%.

Keseluruhan aset dan tanggungan kumpulan diwakili oleh enam (6) Kumpulan Wang seperti Jadual 22 dan Carta 22.

PERKARA/ TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
KUMPULAN WANG MENGURUS	209.61	30.10	226.14	33.96
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	357.33	51.31	343.91	51.64
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	1.19	0.17	0.34	0.05
KUMPULAN WANG AMANAH	96.11	13.80	69.40	10.42
KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN	7.00	1.01	7.00	1.05
KERUGIAN TERKUMPUL ANAK SYARIKAT	(25.16)	3.61	(19.21)	2.88
JUMLAH	646.08	100.00	627.58	100.00

Jadual 22 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Kumpulan)



- KUMPULAN WANG MENGURUS
- KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
- KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN
- KUMPULAN WANG AMANAH
- KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN
- KERUGIAN TERKUMPUL ANAK SYARIKAT

Carta 22 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Kumpulan)

ASET, TANGGUNGAN DAN KUMPULAN WANG (UNIVERSITI)

Keseluruhan aset universiti bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM728.52 juta berbanding RM785.17 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM56.60 juta atau 7.21%. Aset universiti yang berjumlah RM728.52 juta (2016 : RM785.17 juta) adalah merangkumi hartanah, loji & peralatan sebanyak RM323.08 juta (2016 : RM285.97 juta), pelaburan dalam anak syarikat sebanyak RM1.50 juta (2016 : RM1.50 juta), projek dalam kemajuan sebanyak RM98.94 juta (2016 : RM121.95 juta), pinjaman kakitangan sebanyak RM0.43 juta (2016 : RM0.20 juta) dan aset semasa sebanyak RM304.57 juta (2016 : RM375.55 juta).

Manakala keseluruhan tanggungan universiti bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM90.31 juta berbanding RM163.62 juta pada tahun 2016, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM73.31 juta atau 44.81%. Tanggungan universiti yang berjumlah RM90.31 juta (2016 : RM163.62 juta) adalah merangkumi tanggungan semasa sebanyak RM11.35 juta (2016 : RM10.74 juta) dan tanggungan jangka panjang sebanyak RM78.96 juta (2016 : RM152.88 juta).


Jumlah rizab tunai universiti bagi tahun 2017 yang merangkumi tunai di tangan dan di bank serta simpanan tetap adalah sebanyak RM289.77 juta berbanding RM359.44 juta pada tahun 2016. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM69.67 juta iaitu 19.38%.

Jumlah aset bersih universiti bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM638.21 juta berbanding RM621.55 juta pada tahun 2016. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM16.66 juta iaitu 2.68%.

Keseluruhan aset dan tanggungan universiti diwakili oleh lima (5) Kumpulan Wang seperti Jadual 23 dan Carta 23.

PERKARA/TAHUN	2017		2016	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
KUMPULAN WANG MENGURUS	175.25	27.46	199.56	32.11
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	357.33	55.99	343.91	55.33
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	1.19	0.18	0.34	0.05
KUMPULAN WANG AMANAH	97.44	15.27	70.74	11.38
KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN	7.00	1.10	7.00	1.13
JUMLAH	638.21	100.00	621.55	100.00

Jadual 23 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Universiti)



Carta 23 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Universiti)

RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN UMK BAGI TEMP OH 5 TAHUN

PERKARA/TAHUN	2017	2016	2015	2014	2013
LEMBARAN IMBANGAN	RM	RM	RM	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA	423,946,944	409,613,283	340,667,563	301,957,926	270,156,647
ASET SEMASA	304,568,510	375,558,043	372,928,374	264,609,624	170,259,001
LIABILITI BUKAN SEMASA	78,955,170	152,878,687	190,374,419	2,305,775	2,105,603
LIABILITI SEMASA	11,352,047	10,738,224	6,448,885	13,035,726	3,120,897
DANA DAN REZAB	638,208,237	621,554,415	516,772,633	551,226,049	435,189,148
NILAI PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT	1,500,000	1,500,000	1,499,998	1,499,998	1,499,998
PENYATA PENDAPATAN					
PEMBERIAN KERAJAAN : GERAN MENGURUS	105,705,604	147,829,326	149,067,316	161,472,478	146,535,487
PEMBERIAN KERAJAAN : GERAN PEMBANGUNAN	71,164,298	88,853,081	39,456,704	6,986,576	6,625,873
PEMBERIAN KERAJAAN : GERAN PENYELIDIKAN	6,536,761	5,050,721	4,518,787	7,925,448	8,907,539
PEMBERIAN KERAJAAN : GERAN AMANAH	2,022,495	882,868	260,857	3,532,410	5,542,933
YURAN PELAJAR	35,376,847	35,277,392	32,980,892	25,636,645	17,457,146
PENDAPATAN LAIN	23,709,151	19,496,699	19,098,415	6,950,799	4,593,574
JUMLAH PENDAPATAN	244,875,156	297,390,087	245,382,971	212,504,356	189,662,552
JUMLAH PERBELANJAAN	185,540,615	192,283,138	184,621,339	161,759,180	129,261,292
LEBIHAN BERSIH PENDAPATAN	59,334,541	105,106,949	60,761,632	50,745,176	60,401,260
PAPARAN PENYATA ALIRAN TUNAI					
TUNAI DI TANGAN DAN TUNAI DI BANK	50,061,921	23,496,842	28,830,332	53,926,384	61,731,338
SIMPANAN TETAP	239,707,456	335,941,979	326,348,471	200,048,978	99,142,768
PENDAPATAN SEBELUM CUKAI	59,334,541	105,106,949	60,761,632	50,745,176	60,401,260
PAPARAN NISBAH KEWANGAN					
NISBAH SEMASA	26.83	34.97	57.83	20.30	54.55
NISBAH HUTANG	0.12	0.21	0.28	0.03	0.01
NISBAH HUTANG KEPADA DANA & REZAB KERAJAAN	0.14	0.26	0.38	0.03	0.01
NISBAH PULANGAN KE ATAS DANA & REZAB KERAJAAN	0.09	0.17	0.12	0.09	0.14
MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH	24.23	35.34	24.76	23.88	31.85
MODAL KERJA	293,216,463	364,819,819	366,479,489	251,573,898	167,138,104



UMK

KEUSAHAWANAN
ADALAH
TERAS KAMI





PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

- Laporan Ketua Audit Negara
- Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah
- Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Universiti Malaysia Kelantan
- Penyata Kedudukan Kewangan





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 35.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawai pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Emphasis of Matter

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:

Jumlah tunggakan bagi tuntutan ganti rugi cuti belajar adalah berjumlah RM1,703,467.29 (2016: RM1,726,527.81). Daripada amaun tersebut, sejumlah RM866,007.33 merupakan tunggakan hutang yang tidak mengalami pergerakan sepanjang tempoh 2 tahun.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat

sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Kelantan atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Malaysia Kelantan dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(ZIRAWATI BINTI KADIR)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
23 JULAI 2018



PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN dan PROF. DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



.....
NAMA : **Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama
Piah bin Che Othman**
GELARAN : Pengerusi Lembaga
TARIKH : 22 JUL 2018
TEMPAT : Kota Bharu, Kelantan

Bagi pihak Lembaga,




.....
NAMA : **Prof. Dato' Dr. Husaini
bin Omar**
GELARAN : Naib Canselor
TARIKH : 22 JUL 2018
TEMPAT : Kota Bharu, Kelantan

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Saya JUNAIDAH BINTI BADAR, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh Penama di atas)
di (tempat) KOTA BHARU, KELANTAN.)
pada 04 JUL 2018)



JUNAIDAH BINTI BADAR
No. K/P : 740312-01-6700



Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAAH

Petak No.28, Tingkat Bawah,
Bazar Tuan Padang,
Jalan Hospital,
15000 Kota Bharu, Kelantan.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2017

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Aset Bukan Semasa:				
4	356,830,502	320,444,931	323,075,746	285,967,315
5	98,943,351	121,945,836	98,943,351	121,945,836
6	-	-	1,500,000	1,500,000
7	427,847	200,132	427,847	200,132
	456,201,700	442,590,899	423,946,944	409,613,283
Aset Semasa:				
8	1,260	1,260	-	-
9	6,357,839	6,448,680	7,230,990	7,727,972
10	5,355,600	6,480,549	7,568,144	8,391,250
11	294,112,493	365,022,270	289,769,376	359,438,821
	305,827,192	377,952,759	304,568,510	375,558,043
	762,028,892	820,543,658	728,515,454	785,171,326
Jumlah Aset				
Ekuiti:				
12	209,614,916	226,144,928	175,246,747	199,564,821
13	357,329,553	343,908,456	357,329,553	343,908,456
14	1,191,096	339,221	1,191,096	339,221
15	96,107,707	69,400,713	97,440,841	70,741,917
16	7,000,000	7,000,000	7,000,000	7,000,000
17	(25,159,066)	(19,209,846)	-	-
	646,084,206	627,583,472	638,208,237	621,554,415
	-	-	-	-
	646,084,206	627,583,472	638,208,237	621,554,415
Jumlah Ekuiti				
Liabiliti Bukan Semasa:				
18	3,840,213	3,309,088	3,840,213	3,309,088
19	12,266,662	15,423,886	-	-
20	83,700	116,080	-	-
21	6,283,795	6,406,973	-	-
22	75,122,952	149,577,594	75,114,957	149,569,599
	97,597,322	174,833,621	78,955,170	152,878,687
Liabiliti Semasa:				
23	633,783	2,373,712	396,353	1,430,698
24	10,015,638	8,331,118	9,946,406	8,265,612
18	1,009,288	1,041,914	1,009,288	1,041,914
19	4,716,610	4,716,610	-	-
20	32,400	32,400	-	-
	1,939,645	1,630,811	-	-
	18,347,364	18,126,565	11,352,047	10,738,224
	115,944,686	192,960,186	90,307,217	163,616,911
	762,028,892	820,543,658	728,515,454	785,171,326
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti				

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM	
Pendapatan:					
Pemberian kerajaan	25	185,429,158	242,608,001	185,429,158	242,615,996
Yuran pelajar	26	35,736,847	35,277,392	35,736,847	35,277,392
Pendapatan lain	27	25,320,975	20,094,213	23,709,151	19,496,699
Jumlah pendapatan		<u>246,486,980</u>	<u>297,979,606</u>	<u>244,875,156</u>	<u>297,390,087</u>
Perbelanjaan:					
Emolumen		60,752,034	54,388,871	60,741,534	54,440,964
Perkhidmatan dan bekalan		91,214,223	103,066,571	95,603,506	107,430,323
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap		4,772,931	5,934,611	4,768,931	8,138,671
Perbelanjaan lain		8,486,344	7,636,792	6,830,586	6,298,738
Susutnilai tahunan		18,343,439	16,717,518	17,596,058	15,974,442
Jumlah perbelanjaan		<u>183,568,971</u>	<u>187,744,363</u>	<u>185,540,615</u>	<u>192,283,138</u>
Lebihan sebelum cukai		62,918,009	110,235,243	59,334,541	105,106,949
Cukai	28	(1,736,556)	(1,854,525)	-	-
Lebihan bagi tahun		<u>61,181,453</u>	<u>108,380,718</u>	<u>59,334,541</u>	<u>105,106,949</u>
Lebihan bagi tahun dialihkan kepada:					
Pemilik entiti yang mengawal		61,181,453	108,380,718	59,334,541	105,106,949
Kepentingan minoriti		-	-	-	-
		<u>61,181,453</u>	<u>108,380,718</u>	<u>59,334,541</u>	<u>105,106,949</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Kumpulan – 31 Disember 2017

Disebabkan oleh Pemilik Entiti yang Mengawal

	Kumpulan wang						Jumlah ekuiti RM
	Mengurus RM	Pembangunan RM	Penyelidikan RM	Amanah RM	Pinjaman RM	Kerugian terkumpul anak syarikat RM	
Baki pada 31 Disember 2016	226,144,928	343,908,456	339,221	69,400,713	7,000,000	(19,209,846)	627,583,472
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	226,144,928	343,908,456	339,221	69,400,713	7,000,000	(19,209,846)	627,583,472
- Kesan menerima pakai MPERS	(145,547)	(42,368,722)	(2)	(166,448)	-	-	(42,680,719)
	225,999,381	301,539,734	339,219	69,234,265	7,000,000	(19,209,846)	584,902,753
- Pelarasan tahun lepas	-	-	-	-	-	-	-
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2017	1,365,535	55,789,819	851,877	9,123,442	-	(5,949,220)	61,181,453
Perolehan saham	(17,750,000)	-	-	17,750,000	-	-	-
Lebihan bagi tahun	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2017	209,614,916	357,329,553	1,191,096	96,107,707	7,000,000	(25,159,066)	646,084,206
Baki pada 31 Disember 2015	186,320,472	442,946,274	15,433,317	65,346,583	7,000,000	(10,974,593)	706,072,055
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	-	(169,081,475)	(15,222,053)	(3,253,890)	-	-	(187,557,418)
- Kesan menerima pakai MPERS	186,320,472	273,864,799	211,264	62,092,693	7,000,000	(10,974,593)	518,514,637
- Pelarasan tahun lepas	759,501	-	(56,180)	31,249	-	(46,451)	688,119
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2016	187,079,973	273,864,799	155,084	62,123,942	7,000,000	(11,021,044)	519,202,756
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	(2)
Lebihan bagi tahun	39,064,955	70,043,657	184,137	7,276,771	-	(8,188,802)	108,380,718
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2016	226,144,928	343,908,456	339,221	69,400,713	7,000,000	(19,209,846)	527,583,472

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Universiti – 31 Disember 2017

Disebabkan oleh Pemilik Entiti yang Mengawal

	Kumpulan wang				Pinjaman RM	Kerugian terkumpul anak syarikat RM	Kepentingan minoriti RM	Jumlah ekuiti RM
	Mengurus RM	Pembangunan RM	Penyelidikan RM	Amanah RM				
Baki pada 31 Disember 2016								
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	199,564,821	343,908,456	339,221	70,741,917	7,000,000	-	-	621,554,415
- Kesan menerima pakai MPERS								
- Pelarasan tahun lepas	199,564,821	343,908,456	339,221	70,741,917	7,000,000	-	-	621,554,415
- Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2016	(145,547)	(42,368,722)	(2)	(166,448)	-	-	-	(42,680,719)
Perubahan dalam Ekuiti								
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebihkan bagi tahun	(6,422,527)	55,789,819	851,877	9,115,372	-	-	-	59,334,541
Pindahan	(17,750,000)	-	-	17,750,000	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2017	175,246,747	357,329,553	1,191,096	97,440,841	7,000,000	-	-	638,208,237
Baki pada 31 Disember 2015								
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	170,605,677	442,946,274	15,433,317	68,344,783	7,000,000	-	-	704,330,051
- Kesan menerima pakai MPERS	-	(169,081,475)	(15,222,053)	(3,253,890)	-	-	-	(187,557,418)
- Pelarasan tahun lepas	170,605,677	273,864,799	211,264	65,090,893	7,000,000	-	-	516,772,633
- Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2016	(300,236)	-	(56,180)	31,249	-	-	-	(325,167)
Perubahan dalam Ekuiti								
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebihkan bagi tahun	29,259,380	70,043,657	184,137	5,619,775	-	-	-	105,106,949
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2016	199,564,821	343,908,456	339,221	70,741,917	7,000,000	-	-	621,554,415

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Allran Tunai Dari Aktiviti Operasi				
Lebihan pendapatan sebelum cukai	62,918,009	110,235,243	59,334,541	105,106,949
Pelarasan untuk:				
Susutnilai tahunan	18,343,439	16,717,518	17,596,058	15,974,442
Peruntukan hutang ragu	146,827	19,098	146,827	19,098
Peruntukan manfaat pekerja	1,564,999	1,825,650	1,564,999	1,825,650
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	16,255	1,264	16,255	1,264
Pelarasan projek dalam kemajuan tahun lepas ke perbelanjaan tahun semasa	-	117,509	-	117,509
Geran pembangunan dilunaskan	(71,164,298)	(88,853,081)	(71,164,298)	(88,853,081)
Geran penyelidikan dilunaskan	(6,536,761)	(5,042,726)	(6,536,761)	(5,050,721)
Geran amanah dilunaskan	(2,022,495)	(882,868)	(2,022,495)	(882,868)
Pelarasan hasil dan perbelanjaan tahun lepas	(1,780)	817,001	(1,780)	(242,736)
Hapus kira hartanah, loji dan peralatan	12,065	179,185	12,065	179,185
Cukai dibayar	(1,550,900)	(882,561)	-	-
Faedah pinjaman	1,514,470	1,276,171	-	-
Lebihan Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja	3,239,830	35,527,403	(1,054,589)	28,194,691
(Tambahannya)/Kurangnya dalam				
Inventori	-	-	-	-
Penghutang dan pelbagai penghutang	(595,378)	(521,210)	(189,237)	1,639,134
Deposit dan prabayar	1,124,947	(3,181,269)	823,104	(60,452)
Tambahannya/(Kurangnya) dalam				
Pemiutang dan pelbagai pemiutang	(1,730,934)	2,203,000	(1,025,350)	1,400,190
Deposit dan terakru	1,788,506	3,181,527	1,784,780	3,125,762
Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi	3,826,971	37,209,451	338,708	34,299,325
Allran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan				
Belian hartanah, loji dan peralatan	(11,224,425)	(18,938,933)	(11,199,904)	(18,136,183)
Hasil atas jualan hartanah, loji dan peralatan	97,530	1,032	97,530	1,032
Perolehan saham	-	(2)	-	(2)
Projek dalam kemajuan	(63,155,005)	(67,141,690)	(63,155,005)	(67,141,690)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	(74,281,900)	(86,079,593)	(74,257,379)	(85,276,843)
Allran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan				
Geran pembangunan diterima	-	53,515,000	-	53,515,000
Geran penyelidikan diterima	1,506,084	3,168,851	1,506,084	3,168,851
Geran amanah diterima	3,762,828	115,000	3,762,828	115,000
Pembayaran manfaat pekerja	(1,019,686)	(1,561,315)	(1,019,686)	(1,561,315)
Bayaran ansuran pembiayaan	(4,704,074)	(5,827,727)	-	-
Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Pembiayaan	(454,848)	49,409,809	4,249,226	55,237,536
Tambahan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	(70,909,777)	539,667	(69,669,445)	4,260,018
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	365,022,270	364,482,603	359,438,821	355,178,803
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	294,112,493	365,022,270	289,769,376	359,438,821

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

(a) Penubuhan

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan Universiti awam yang ke-19, diperbadankan pada 1 September 2006 dan diwartakan pada 7 Disember 2006 [P.U.415 (A)]. UMK ditubuhkan dengan visi sebagai Peneraju Pembangunan Modal Insan Bercirikan Keusahawanan Bagi Kesejahteraan Global. Objektif utama Universiti adalah menyediakan kursus pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada penghayatan ciri-ciri keusahawanan dan pembangunan insaniah merentasi ko-kurikulum.

(b) Aktiviti Utama

UMK adalah sebuah Universiti yang mengkhusus Keusahawanan sebagai teras.

(c) Bilangan Staf

Bilangan staf UMK pada akhir tahun kewangan 2017 adalah seramai 1,163 orang (2016 : 1,260 orang) yang terdiri daripada staf tetap/pinjaman seramai 743 orang (2016 : 770 orang) dan staf sementara/kontrak seramai 420 orang (2016 : 490 orang).

(d) Bilangan Pelajar

Pengambilan pelajar bagi sesi 2017/2018 adalah seramai 2,074 orang dan jumlah enrolmen sehingga 31 Disember 2017 adalah seramai 9,356 orang (2016 : 9,781 orang).

(e) Mata Wang Pembentangan dan Fungsian

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

(f) Pembentangan Penyata Kewangan

UMKEI juga telah menyediakan kemudahan pembiayaan awal (*seed funding*) kepada perniagaan yang ditubuhkan oleh pelajar (*students' start-ups*) sebagai salah satu inisiatif bagi membudayakan keusahawanan dan menggalakkan pelajar menubuhkan perniagaan semasa dalam pengajian. Kemudahan yang disediakan adalah berbentuk Skim Pinjaman Mikro. Skim Pinjaman ini menyediakan kemudahan seperti berikut:

PINJAMAN	JUMLAH	TEMPOH BAYARAN
SKIM PINJAMAN MIKRO (SPM)	RM1,000.00 (Minimum) – RM5,000.00 (maksimum)	Maksimum 3 tahun atau sehingga tamat pengajian (mana yang terdahulu)

Skim ini mula diperkenalkan pada tahun 2016, sehingga 31 Disember 2017 sebanyak 8 syarikat pelajar telah membuat pinjaman menggunakan Skim Pinjaman Mikro Syarikat Siswa Universiti dengan jumlah keseluruhannya adalah RM29,200.00



PENCAPAIAN KPI KEUSAHAWANAN PELAN TINDAKAN KEUSAHAWANAN IPT 2016-2020

STRATEGI A : MEMBANGUNKAN KURIKULUM HOLISTIK DAN BERSEPADU			
MEKANISME PENGUKURAN	TAKRIFAN OPERASI (OD)	SASARAN 2017	PENCAPAIAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2017
Bilangan pelajar IPT mendapat pendedahan keusahawanan semasa dalam pengajian.	<p>Pendedahan keusahawanan:</p> <p>Aktiviti pendedahan keusahawanan yang berstruktur terkandung dalam kurikulum dan ko-kurikulum.</p> <p>Pengukuran Pencapaian:</p> <p>Numerator –</p> <p>Jumlah pelajar IPT sepenuh masa warganegara Malaysia (tidak termasuk pascasiswazah) terlibat dalam aktiviti pendedahan dan pembudayaan keusahawanan terkandung dalam kurikulum dan ko-kurikulum.</p> <p>Nota : Pengiraan adalah secara kumulatif. Pelajar yang telah mendapat pendedahan pada tahun sebelumnya juga boleh diambil kira tetapi pelajar yang telah bergraduasi tidak diambil kira.</p>	10,000 orang	Jumlah keseluruhan = 9,135 orang

STRATEGI B : MENGUKUHKAN SISTEM SOKONGAN PEMBELAJARAN

MEKANISME PENGUKURAN	TAKRIFAN OPERASI (OD)	SASARAN 2017	PENCAPAIAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2017
Bilangan lulusan IPT menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian	<p>Graduan Usahawan:</p> <p>Graduan yang bekerja sendiri atau menjadi usahawan selepas menamatkan pengajian (6 hingga 12 bulan).</p> <p>Pengukuran Pencapaian:</p> <p>Numerator –</p> <p>Jumlah lulusan IPT warganegara Malaysia (tidak termasuk pelajar pascasiswazah) yang menceburi bidang keusahawanan dan perniagaan dalam tempoh 6 hingga 12 bulan selepas tamat pengajian.</p> <p>Nota: Sumber data ialah dari Pusat Keusahawanan IPT atau Alumni IPT atau <i>Tracer Study</i> yang dijalankan sendiri oleh IPT masing-masing. Data tersebut hendaklah diselaraskan diperingkat IPT sebelum dilaporkan kepada KPT.</p>	200 orang	Jumlah keseluruhan = 33 orang

STRATEGI B : MENGUKUHKAN SISTEM SOKONGAN PEMBELAJARAN

MEKANISME PENGUKURAN	TAKRIFAN OPERASI (OD)	SASARAN 2017	PENCAPAIAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2017
Bilangan pelajar IPT menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian.	<p>Usahawan pelajar:</p> <p>Pelajar IPT yang menjalankan aktiviti keusahawanan dan perniagaan secara aktif semasa dalam pengajian.</p> <p>Pengukuran Pencapaian:</p> <p>Numerator –</p> <p>Jumlah pelajar IPT sepenuh masa warganegara Malaysia (tidak termasuk pelajar pascasiswazah dan yang mengikuti kursus perkhidmatan wajib) yang menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian di dalam atau luar kampus atau atas talian berterusan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan atau 1 semester.</p> <p>Nota: Perniagaan tidak semestinya berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tetapi mempunyai bukti pendaftaran perniagaan dengan mana-mana pihak berkuasa termasuk IPT. Sumber data ialah dari Pusat Keusahawanan IPT atau pelaporan rasmi yang dijalankan sendiri oleh IPT masing-masing. Data tersebut hendaklah diselaraskan diperingkat IPT sebelum dilaporkan kepada KPT.</p>	1,000 orang	Jumlah keseluruhan = 632

STRATEGI B : MENGUKUHKAN SISTEM SOKONGAN PEMBELAJARAN

MEKANISME PENGUKURAN	TAKRIFAN OPERASI (OD)	SASARAN 2017 OLEH IPT	PENCAPAIAN SEHINGGA 31 MEI 2017
<p>Bilangan tenaga pengajar dalaman dan luaran yang mempunyai kepakaran keusahawanan dan membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan pelajar.</p>	<p>Tenaga pengajar / pembimbing keusahawanan IPT warganegara Malaysia.</p> <p>Antara kriteria kepakaran yang boleh di ambil kira ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Persijilan & pengiktirafan: <ol style="list-style-type: none"> (i) Mempunyai kelulusan PhD dalam keusahawanan; atau (ii) Mendapat pengiktirafan/ pensijilan profesional keusahawanan/ perniagaan daripada institusi bertauliah nasional dan antarabangsa seperti KPT, AKEPT, Cambridge Judge Business School, Harvard University, MIT, Stanford USA etc; atau (iii) Telah menjalani program sangkutan atau penempatan silang di industri/ PKS lebih daripada 2 bulan 2) Sumbangan : <ol style="list-style-type: none"> (i) Membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan pelajar; atau (ii) Membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan PKS/ komuniti. <p>Nota: Pengiraan adalah secara kumulatif. Tenaga pengajar/pembimbing yang tidak lagi berkhidmat dengan institusi tidak boleh diambilkira.</p>	<p>30 Orang</p>	<p>Jumlah keseluruhan = 25 orang</p>

PROGRAM SME@UMK

SME@University Programme ini telah diperkenalkan oleh SME Corp. Malaysia berdasarkan inspirasi dan pendekatan konsep berasaskan modul PKS Universiti Jepun (SME University of Japan). Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah untuk membantu membangunkan modal insan yang berkemampuan memacu inovasi dan kreativiti dalam konteks membangunkan kepintaran perniagaan khususnya bagi usahawan baharu dan sedia ada. Pendekatan yang diaplikasikan dalam program ini adalah secara *hands-on* dalam memastikan setiap peserta yang terlibat akan dapat mempelajari serta seterusnya mengadaptasi kaedah-kaedah yang dipelajari. Bilangan peserta program SME@UMK mengikut tahun seperti jadual di bawah.

PERKARA	TAHUN		
	2015	2016	2017
BILANGAN PESERTA SME@UMK	25	20	23

PELAKSANAAN PROGRAM SME@UMK

Program ini dilaksanakan secara kursus tempoh jangka masa pendek (mini semester) iaitu selama tiga (3) bulan dan telah bermula pada 24 Julai 2017 dan berakhir dengan Majlis Graduasi pada 18 Disember 2017. Setiap peserta yang layak mengikuti program ini akan dikenakan yuran pendaftaran sebanyak RM 2,500.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Lima Ratus Sahaja). Apa yang menariknya, yuran pendaftaran ini akan dikembalikan kepada peserta setelah selesai menjalani kursus dengan syarat kehadiran peserta mencapai 80%. Pengenaan yuran tersebut hanya sebagai syarat bagi menunjukkan komitmen peserta terhadap program ini.

oleh pihak SME Corp. Malaysia termasuk satu (1) modul khusus dari UMK.


Modul-modul yang digunakan dalam program ini adalah seperti berikut:-

- *World Class SMEs Leadership and Managing Performance*
- *Rights and Responsibilities of Employers*
- *Creative Marketing and Business Success*
- *Accounting and Financial Management*
- *Entrepreneurship and Business Networking*
- *Business Opportunities, Growth and Modelling*
- *Law and Ethics*
- *Operation and Quality Management*

Peruntukan bagi melaksanakan program SME@UMK ini diperolehi dari dana yang telah disumbangkan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan maklumat penerimaan dana sepertimana terkandung pada perjanjian MoA adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH (RM)
2012	110,000.00
2013	110,000.00
2014	100,000.00
2015	100,000.00
2016	110,000.00
2017	110,000.00





SME@Universiti tingkatan prestasi PKS

Zaain Zin

18 Disember 2017 4:20 PM



Tindakan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, Prof. Dr. Mohd. Hassan Mohd. Osman menyampaikan sijil kepada salah seorang graduan SME@UMK di Kota Bharu, hari ini. - UTUSAN ONLINE/SH-HIDEQI@ZIN

KOTA BHARU 18 Dis. - Program SME@Universiti yang diperkenalkan SME Corp Malaysia (SME Corp) di 10 universiti tempatan sejak tujuh tahun lalu berjaya memberi manfaat kepada 846 usahawan dalam pelbagai bidang di seluruh negara.

Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Keusahawanan SME Corp, Zaky Mohd berkata, SME@Universiti merupakan kursus jangka pendek selama tiga bulan melibatkan para usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Program SME@Universiti pada awalnya dijalankan bersama lima buah universiti sebelum bertambah kepada 10 universiti berikutan sambutan positif diterima.

"Sejak diperkenalkan sehingga sekarang, program ini ternyata membantu para usahawan meningkatkan pengetahuan perniagaan terutama dari sudut pemasaran kreatif, strategi pertumbuhan perniagaan dan rangkaian perniagaan inovatif," katanya.

Bellau ditemui selepas menghadiri Majlis Graduasi UMK@UMK 2017 melibatkan 23 peserta, di sini hari ini.

Majlis Graduasi tersebut disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, Prof. Dr. Mohd. Hassan Mohd. Osman.

Zaky dalam pada itu berkata, bagi meneruskan kesinambungan pembelajaran peserta SME@Universiti, pihak SME Corp dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) memperkenalkan dua kursus lanjutan.

Katanya, kursus tersebut ialah Program Pembangunan Pengurusan Kanan (SMDP) dan Kursus Lanjutan SME@Universiti di Jepun.

"SMDP dilanjutkan dengan kerjasama institusi pengajian tinggi berprestij seperti European School Management of Technology, Cranfield University, Oxford University, University of Cambridge dan University of York.

"Kursus Lanjutan SME@Universiti di Jepun pula diperkenalkan sejak 2013 dengan kerjasama Pusat Sokongan PKS Jepun dan Institut Latihan PKS Tokyo," katanya. - UTUSAN ONLINE



SME UNIVERSITY INTERNSHIP 2017

Program SME-University Internship telah mula dilaksanakan di UMK pada tahun 2014. Kekangan peruntukan menyebabkan program ini tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2016. Namun begitu, melihat akan Impak positif yang diperoleh daripada program yang dilaksanakan ini telah menarik minat SME Corp. untuk meneruskan program ini pada tahun 2017. Program ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak SME Corp. dengan dana peruntukan sebanyak RM52,000.00. Seramai 20 orang mahasiswa UMK yang terpilih dibahagikan kepada empat (4) kumpulan besar dan ditempatkan masing-masing di syarikat PKS yang terpilih untuk membantu dari segi pengurusan perniagaan, pengeluaran, pengurusan kewangan, pemasaran serta teknologi maklumat.

Objektif program ini adalah untuk:-

- Membantu PKS dalam meningkatkan prestasi perniagaan dan produktiviti melalui pendekatan perundingan oleh mahasiswa, di bawah pengawasan dan bimbingan pensyarah serta kaunselor perniagaan SME Corp;
- Menggalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan memberi pendedahan kepada mereka mengenai persekitaran sebenar dunia perniagaan; serta
- Membantu mahasiswa memperoleh kemahiran penting yang diperlukan sama ada untuk bekerja di firma kecil atau untuk memulakan perniagaan mereka sendiri setelah menamatkan pengajian.

Pada tahun 2017, sebanyak empat (4) buah syarikat PKS yang terpilih untuk program SME University Internship bagi tahun 2017 adalah sepertimana berikut:

- Krai D'Sign Sdn. Bhd.
- Mashieony Enterprise
- Mercuri Perdana Trading
- Monizone Resources Sdn. Bhd.



PROJEK KONSULTANSI

Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) telah dilantik oleh NERA Infocom (M) Sdn. Bhd. sebagai pengendali Program Pembangunan Latihan Usahawan Berprestasi Tinggi Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M) bagi negeri Kelantan dan Kuala Lumpur. Program latihan ini diberikan kepada Pengurus dan Penolong Pengurus Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) *Urban-Poor* Kuala Lumpur Program ini mengandungi tiga Peringkat iaitu program pembangunan dan latihan keusahawanan, laporan pemantauan serta program lestari.

Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) telah menerima peruntukan projek untuk kedua-dua negeri ini sepertimana berikut:-

PERKARA	JUMLAH KONTRAK	BILA PESERTA
Program Pembangunan Latihan Usahawan Berprestasi Tinggi Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M) Kelantan	558,000.00	32
Program Pembangunan Latihan Usahawan Berprestasi Tinggi Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M) Urban Poor Kuala Lumpur	378,000.00	18



PEMBANGUNAN PROGRAM DIPLOMA EKSEKUTIF

ISME UMK telah membangunkan tiga (3) program Diploma Pasca Siswazah Eksekutif utama bermula tahun 2016 iaitu Diploma Pascasiswazah Eksekutif Pengurusan Enterpris, Diploma Pasca siswazah Eksekutif Pendidik Usahawan serta Diploma Pasca Siswazah Eksekutif Kepimpinan Keusahawanan. Walau bagaimanapun, dua (2) program telah berjalan iaitu Diploma Pasca Siswazah Eksekutif Pengurusan Enterpris dan Diploma Pasca Siswazah Eksekutif Pendidik Keusahawanan. Butiran maklumat pelajar yang telah berdaftar untuk kedua-dua program ini adalah sepertimana berikut:-

PROGRAM	BILANGAN PELAJAR
DIPLOMA PASCA SISWAZAH EKSEKUTIF PENGURUSAN ENTERPRAIS	23
DIPLOMA PASCA SISWAZAH PENDIDIK KEUSAHAWANAN	47

PROGRAM E-USAHAWAN

Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) telah diberi kepercayaan oleh pihak MDEC untuk melaksanakan program E-Usahawan yang menyasarkan seramai 1000 usahawan merangkumi seluruh negeri di Pantai Timur disasarkan sebagai peserta program ini. Manakala seramai 18 orang pensyarah daripada Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) yang telah menghadiri program *Training of Trainer (ToT)* yang diselia oleh pihak MDEC. Program pertama telah melibatkan peserta seramai 213 orang yang terdiri daripada ahli Amanah Ikhtiar untuk jajahan Bachok, Kota Bharu dan Jeli.




TRAINERS NAME	W43	W44	W45	W46	W47	TOTAL	TVET TO CLAIM
UMK BACHOK			68			68	5,100.00
Norfazlirda binti Hairani			36			36	
Siti Aishah binti Attaullah			32			32	
UMK JELI			56		33	89	6,675.00
Nurul Azwa binti Mohamed Khadri			27			27	
Tengku Halimatun Sa'adiah binti Abu Bakar			29		33	62	
UMK PENGKALAN CHEPA			56			56	4,200.00
Aimi Nadia binti Ibrahim@Zakaria			27			27	
Azizah binti Musa			29			29	
JUMLAH KESELURUHAN						213	15,975.00

eUsahawan 2.0: TVET Trainers Trainers Reimbursement as at W43-W47.

PROGRAM LATIHAN DAN KURSUS JANGKA PENDEK ANJURAN INSTITUT PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA

Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) turut melaksanakan aktiviti-aktiviti lain seperti seminar dan kursus jangka masa pendek. Program yang dilaksanakan ini bertujuan untuk menjana pendapatan juga menghasilkan bilangan enrolmen program pembelajaran sepanjang hayat (PSH). Antara kursus-kursus serta seminar yang telah diadakan adalah sepertimana berikut:-



PENYELIDIKAN DAN INOVASI


Penyelidikan dan inovasi merupakan salah satu daripada fungsi asas sesebuah Universiti kerana ianya mempunyai perkaitan rapat dengan komponen akademik dalam pemindahan kepakaran dan ilmu kepada industri dan komuniti. Bagi membudayakan komponen tersebut dalam kalangan staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK), pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak Universiti sama ada pada peringkat pusat mahupun fakulti.

GERAN PENYELIDIKAN

KATEGORI GERAN	2015		2016		2017	
	RM	PROJEK	RM	PROJEK	RM	PROJEK
GERAN ANTARABANGSA	440,993.80	2	750,000.00	1	-	-
GERAN SWASTA	114,500.00	6	-	-	236,850.00	8
GERAN KERAJAAN	3,861,887.00	51	2,520,336.00	24	1,898,400.61	37
GERAN UNIVERSITI	238,600.00	17	703,150.00	56	1,152,000.00	99
JUMLAH	4,655,980.80	76	3,973,486.00	81	3,287,250.61	144

Jadual 46 : Perbandingan penerimaan geran penyelidikan mengikut kategori dari tahun 2015 hingga 2017.

GERAN KERAJAAN



Carta 36 : Pecahan peruntukan (RM) kerajaan bagi geran penyelidikan pada tahun 2017.

FAKULTI/ PTj	BIL. PROJEK	JUMLAH (RM)
FIAT	6	384,560.44
FPV	6	472,355.36
FSB	5	278,538.79
FAE	2	58,536.02
FHPK	4	180,675.05
FKP	11	428,584.80
FTKW	1	60,420.00
FBKT	1	24,730.15
PBI	1	10,000.00
JUMLAH	37	1,898,400.61

Jadual 47 : Pecahan perolehan geran kerajaan mengikut fakulti/ PTj 2017.

GERAN UNIVERSITI

Geran Universiti merupakan geran dalaman UMK yang memfokuskan kepada pembudayaan penyelidikan kepada pensyarah baru di Universiti. Geran ini dapat memberi pengalaman dan ilmu kepada para pensyarah dalam usaha mendapatkan geran dari pihak kerajaan, swasta/ luar dan antarabangsa. Pada tahun 2017 terdapat 10 Skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek, InsPeK telah diluluskan oleh UMK kepada para pensyarah yang melibatkan sejumlah RM152,000.00 peruntukan. Selain daripada itu, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) juga telah berjaya mendapat peruntukan sebanyak RM1,000,000.00 bagi peruntukan Skim Geran Jangka Pendek (SGJP) 2017 yang telah dibuka kepada semua penyelidik Universiti dan sebanyak 89 penyelidik telah berjaya memperolehi geran ini. Keseluruhan geran Universiti adalah sebanyak 99 geran penyelidikan.

FAKULTI/ PTj	BIL. PROJEK	JUMLAH (RM)
FIAT	10	191,000.00
FKP	21	110,000.00
FSB	17	331,000.00
FTKW	12	80,000.00
PBI	10	55,000.00
FAE	3	15,000.00
FHPK	9	45,000.00
GERIC	1	5,000.00
FBKT	14	280,000.00
FPV	2	40,000.00
JUMLAH	99	1,152,000.00

Jadual 48 : Pecahan perolehan geran dalaman (UMK) mengikut fakulti/PTj 2017.

PENCAPAIAN UTAMA GERAN PENYELIDIKAN 2017

GERAN	TAJUK GERAN	KETUA PENYELIDIK	JUMLAH PERUNTUKAN	TARIKH MULA & TAMAT	PENCAPAIAN
ERASMUS	<i>Erasmus+ Research Project Media Literacy (Medlit) as Media Competance Program for Social Change</i>	Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Che Omar	RM750,000.00	22.2.2016-21.2.2019	<p>MEDLIT UMK telah dilantik sebagai ketua pembangunan MOOC bagi negara rakan institusi MEDLIT. MEDLIT UMK juga telah berjaya memupuk bakat dan melahirkan 13 orang fasilitator-fasilitator MEDLIT UMK bagi membimbing pensyarah dan juruteknik di negara rakan institusi bagi pembangunan MOOC berasaskan topik literasi media (MEDLIT) di negara institusi masing-masing.</p> <p>UMK MEDLIT berjaya menubuhkan Pusat Pembangunan MOOC (<i>MOOC Production Centre</i>) yang beroperasi di Kampus Kota. Pusat ini telah dilengkapi oleh pelbagai kelengkapan ICT (<i>hardware</i>) dan perisian (<i>software</i>) yang diperlukan untuk membangunkan modul MOOC di Malaysia, termasuklah negara rakan institusi (Thailand dan Vietnam).</p> <p>UMK MEDLIT turut berjaya menerbitkan 6 buku yang meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Module/Guide to Develop MOOC ▪ MOOC Evaluation Criteria ▪ Development of Learning Objective for MOOC ▪ Guides Using Open Learning Platform.
NRGS	<i>Developing Entrepreneurship Education Model to Eradicate Poverty: A Case Study in Aquaculture Industry of Red Tilapia in Kelantan</i>	Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Che Omar	RM4,979,510.00	20.1.2014-19.1.2019	<p>Geran NRGS yang bermula pada Januari 2014 selama 5 tahun dan akan tamat pada Januari 2019 merupakan satu geran jangka panjang yang memberikan impak besar kepada penyelidikan di UMK melalui pengukuhan bidang keusahawanan sebagai tujahan UMK.</p> <p>Sehingga Disember 2017, geran ini telah berjaya menghasilkan 155 penerbitan iaitu 108 penerbitan bertaraf ISI/SCOPUS, 16 penerbitan tidak berindeks dan 31 IP.</p> <p>Selain daripada itu, NRGS telah berjaya memperolehi sebanyak 31 harta intelek termasuk Trademark, Industrial Design dan Patent.</p> <p>Daripada segi pencapaian modal insan pula, NRGS berjaya melantik seramai 7 orang GRA (PhD) dan 19 orang GRA (Master).</p>

PRGS	<i>Prototype of the locally grown Spirulina strain as supplement feed for ruminant by using photobioreactor</i>	Dr. Lokman bin Shamsudin	RM230,000.00	4.10.2016-3.10.2018	<p>Geran PRGS ini telah diperolehi pada tahun 2016 dengan peruntukan sebanyak RM230,000.00.</p> <p>Projek ini telah mencapai prestasi sehingga 75% dan telah mempunyai seorang modal insan Pembantu Penyelidik (RA) dan seorang Post-Doctoral.</p> <p>Selain daripada itu, penyelidikan giat dijalankan dalam menghasilkan produk Spirulina Platensis Powder bagi mencapai KPI geran.</p> <p>Dua cap dagang telah dihasilkan atas nama Dr. Luqzi Spirulite.</p>
TRGS	<i>Etak as traditional food: profiling, safety, supply, and revival of the "etak" industry for food heritage sustainability.</i>	Prof. Madya Dr. Aweng a/l Eh Rak	RM750,000.00	1.12.2016-3.11.2019	<p>Geran TRGS ini telah diperolehi pada tahun 1 Disember 2016 dengan peruntukan sebanyak RM750,000.00.</p> <p>Projek ini telah mencapai prestasi sehingga 35% dan telah mempunyai enam orang modal insan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) dan tiga orang Pembantu Penyelidik (RA).</p> <p>Sehingga kini, 10 penerbitan telah dihasilkan dibawah geran TRGS.</p>

JENIS GERAN	2015	2016	2017	TAMAT	MASIH BERJALAN
RACE	7	-	-	7	-
FRGS Flood	5	-	-	5	-
SGJP	8	37	-	45	-
PRGS	2	1	-	2	1
SGPP	9	-	-	9	-
KTP	5	1	-	4	2
FRGS	18	17	16	1	50
RAGS	8	-	-	5	3
SGPL MyRA	-	19	2		
PPRN	-	4	6	7	3
TRGS	-	1	-	0	1
SGJP MyRA Keserakanan USM	-	-	16	0	16
SGJP InsPeK	-	-	10	0	10

Jadual 49 : 3 tahun geran penyelidikan UMK dari tahun 2015-2017.

PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN)

FAKULTI	AGENSI	TAJUK	KETUA PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
FSB	PPRN	<i>Gender determination of Arowana fishes using LAMP Technology</i>	Dr. Suganthi A/P Appalasaamy	29,250.00
FBKT		<i>Filling and Capping Machine of Multipurpose Seasoning (Perencah Serbaguna)</i>	Mohd Sukhairi bin Mat Rasat	33,300.00
FIAT		<i>Aroma, Identification and Number of Viable Microflora in Fermented Rice Bran based Dietary Supplement for Livestock After Fluidized Bed Drying</i>	Dr. Shamsul bin Muhamad	31,500.00
FBKT		<i>Biodegradable water-based degreaser</i>	Dr. Zubaidah Aimi binti Abdul Hamid	40,500.00
FBKT		<i>Tisc-tech for Banana Seddlings</i>	Prof. Madya Dr. Julie Juliewatty binti Mohamed	24,300.00
FBKT		<i>Portable "Roti John" Multitasking Machine</i>	Khairul Nizar Syazwan bin Wan Salihin Wong	36,000.00
Jumlah				194,850.00

Jadual 50 : Senarai Public-Private Research Network (PPRN)

PENCAPAIAN MALAYSIA RESEARCH ASSESSMENT INSTRUMENT (MyRA)

MyRA merupakan sistem 'on-line' yang dibangunkan untuk membolehkan Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bertaraf Universiti dan Kolej Universiti membuat penilaian sendiri terhadap pencapaian penyelidikan R&D&C. Kerajaan Malaysia kini memberi keutamaan dalam aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan yang dilakukan oleh Universiti tempatan sebagai satu usaha untuk membangunkan ekonomi Negara. KPT telah mencipta instrumen MyRA untuk membolehkan pihak Universiti menilai pencapaian sesebuah UA dan IPTS tempatan dalam aspek R&D&C.

UMK sebagai Universiti yang baharu memerlukan penekanan yang penting kepada penyelidikan yang membawa kepada kejayaan bagi penilaian melalui MyRA. Bagi penilaian MyRA tahun 2017 keputusan rasmi belum lagi dikeluarkan oleh KPT. Berikut adalah skor markah penilaian sendiri MyRA tahun 2017 iaitu pada skala 3 bintang. Walau bagaimanapun, UMK telah menunjukkan peningkatan dalam pencapaian penyelidikan berdasarkan kepada penilaian MyRA, iaitu memperolehi cuma (1) bintang pada tahun 2015, (2) bintang bagi tahun 2016 dan (3) bintang untuk tahun 2017.



SEKSYEN	KRITERIA	PENANDA ARAS	SKOR PENILAIAN KENDIRI
B	Kuantiti dan Kualiti Penyelidik	25.00	8.99
C	Kuantiti dan Kualiti Penyelidikan	30.00	13.89
D	Kuantiti dan Kualiti Pasca Siswazah	15.00	12.91
E	Inovasi	10.00	4.26
F	Khidmat Profesional dan Hadiah	7.00	2.56
G	Jaringan dan Jangkauan	10.00	6.83
H	Fasiliti Sokongan	3.00	1.00
JUMLAH SKOR		100	50.44

Jadual 51 : Kriteria dan penanda aras skor MyRA.



PUSAT KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN (COE)

Pada masa kini, Universiti mempunyai empat Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (COE) dibawah pengawalan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Pelaksanaan aktiviti Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dipantau secara berkala oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bagi memastikan KPI yang ditetapkan dapat dicapai terutamanya yang melibatkan penyelidikan dan inovasi. Antara aktiviti dan pencapaian utama COE adalah seperti berikut:

PUSAT KECEMERLANGAN	TAHUN DITUBUHKAN
Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC)	2012
Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK)	2014
Institut Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA)	2016
Institut Kepintaran Buatan dan Data Raya (AIBIG)	2017

Semua Pusat Kecemerlangan Penyelidikan ini adalah dikawalselia oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) termasuk dari segi pengurusan kewangan.



SNL Tok Bali Fasa 2

InsPeK : PENUBUHAN MAKMAL JARINGAN SOSIAL (Social Network Lab - SNL)

Salah satu strategi InsPeK dalam menguruskan kemiskinan adalah dengan mewujudkan program pemindahan ilmu dengan menggunakan konsep dan pendekatan Makmal Jaringan Sosial (SNL) InsPeK. SNL InsPeK tidak merujuk kepada bangunan atau binaan fizikal, tetapi ianya merujuk kepada lokasi khusus yang menjadi kawasan tumpuan yang konsisten, sama ada untuk penyelidikan, pemindahan ilmu dan sebagainya. SNL InsPeK juga turut menerima dan menggalakkan kolaborasi, kerjasama, penyertaan dari semua pihak pemegang taruh sekaligus merealisasikan fungsi InsPeK iaitu penyelidikan, pemindahan ilmu, hab kolaborasi dan pangkalan data. Sehingga penghujung tahun 2017, empat (4) SNL InsPeK telah diwujudkan di kawasan berikut :

- SNL Taman Perumahan Nelayan Tok Bali, Pasir Puteh
- SNL Desa Alam Shah, Pasir Puteh
- SNL Perkampungan Orang Asli, Sg. Rual, Jeli
- SNL Pohon Nenasi, Bachok



GERIC : MAJLIS PELANCARAN MOOC PRODUCTION CENTRE

GERIC telah menganjurkan Majlis pelancaran MOOC Production Centre disempurnakan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi KPT, Y.Bhg. Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir dengan menandatangani *Digital Signing* menggunakan Ipad di MOOC Production Centre, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan, pada 29 Oktober 2017. UMK adalah satu-satunya universiti awam yang berjaya membangunkan pusat sumber digital MOOC dengan jalinan kerjasama ERASMUS+ melalui projek Media Literacy Competence for Social Change by European Union (EU) yang membolehkan semua pelajar dan individu di seluruh dunia mengakses kuliah. UMK telah berjaya menandingi Universiti besar di Malaysia dalam memperolehi geran ERASMUS.



IFSSA : PENGHASILAN PRODUK BERNILAI KOMERSIAL

Produk inovasi Nefeli™ Natural Fruit Vinegar adalah merupakan salah satu produk inovasi yang dihasilkan dibawah IFSSA. Nefeli™ Natural Fruit Vinegar telah memenangi beberapa anugerah di Pameran ITEX dan PECIPTA serta anugerah di Korea pada 2016. Produk Nefeli™ Natural Fruit Vinegar juga dipilih oleh MOSTI sebagai 41 finalis pada Malaysia Commercial Year 2.0, 2017 bersempena dengan Global Entrepreneurship Community Summit (GECS) yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Bagi tujuan pengkomersialan di pasaran luar negara, Nefeli™ Natural Fruit Vinegar telah menyertai International Fermented Food Expo (IFFE 2017) di Jeonju, Korea pada 19-23 Oktober 2017.

AIBIG : FORUM REVOLUSI INDUSTRI 4.0 UMK

Institut Kepintaran Buatan dan Data Raya (AIBIG) ditubuhkan pada tahun 2017 dengan matlamat untuk membangun penyelidikan serta memberi perkhidmatan dalam AI dan BD bagi menyokong kelestarian Universiti dan IR4.0. Pada 18 Disember 2017, AIBIG telah mengadakan Forum Revolusi Industri 4.0 yang bertemakan "Impak 4IR ke atas Manusia". Forum juga memberi penerangan berkenaan pembinaan manusia yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang sangat perlu dalam menyediakan masyarakat khususnya golongan muda menghadapi Revolusi Industri 4.0.

PENGANJURAN PERSIDANGAN / SEMINAR PENYELIDIKAN

Pada peringkat Universiti sebanyak dua persidangan peringkat antarabangsa telah dianjurkan manakala selebihnya adalah seminar peringkat Universiti anjuran Pusat Tanggungjawab secara kerjasama dengan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

PROGRAM	RAKAN KERJASAMA	TARIKH	TEMPAT
Persidangan East Asia Federation For Adult Education (EAFEA) 2017	PBI	10- 11 Januari 2017	UMK Kampus Kota
Program Simposium Postgraduate Studies 2017	FIAT	15-16 Ogos 2017	UMK Kampus Jeli
Seminar NRG5 01	FIAT	23-24 Ogos 2017	Hotel Renaissance, Kota Bharu
Bachok Ekistics Seminar	FAE	21 Oktober 2017	Hotel Perdana, Kota Bharu
5 th International Seminar On Entrepreneurship and Business (ISEB)	FKP	16-17 November 2017	Universitas Andalas, Padang, Indonesia

MAJLIS AGE (ACTION GROUP FOR ENTREPRENEURSHIP) PERINGKAT UNIVERSITI

Proses pembangunan pelan Majlis AGE UMK melibatkan beberapa perancangan model dan terma yang telah ditetapkan iaitu Kreativiti dan Inovasi dan Komersialan, Memperkasakan Modal Insan, Kelestarian Ilmu dan Penjana Pendapatan. Secara umumnya, pelaksanaan Majlis AGE UMK terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

KATEGORI AGE COUNCIL TANGGUNGJAWAB	
PERINGKAT UNIVERSITI	Dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman, Pengerusi Lembaga Pengarah UMK dan diselaraskan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
AHLI AGE BERSEKUTU	Diselaraskan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
PERINGKAT PTj	Dipengerusikan oleh Dekan/ Pengarah PTj
SYARIKAT PELAJAR	Dikawal selia oleh UMKEI

KERJASAMA ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN DENGAN INDUSTRI DIBAWAH MAJLIS AGE

CELCOM AXIATA BERHAD

Celcom Axiata merupakan syarikat telekomunikasi yang terkenal di Malaysia dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang penghasilan produk digital. Celcom Axiata Berhad berkemampuan untuk menawarkan perkhidmatan kepada lebih 12 juta pengguna di Malaysia. Pihak UMK telah melantik Y.Brs. En. Saiful Bahrin bin Abdul Ghaffar, Pengarah Perhubungan Kerajaan & Tanggungjawab Korporat Celcom Axiata Berhad berkuatkuasa 1 Mei 2016 hingga 30 April 2019 sebagai ahli Majlis AGE UMK.


Bagi tahun 2017, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan antara UMK dengan Celcom Axiata Berhad. Antara kerjasama yang berjaya dilaksanakan ialah aktiviti kemasyarakatan, aktiviti penjana pendapatan, perkhidmatan rangkaian Celcom -3G / 4G/ WIFI, keusahawanan pelajar, pasaran produk pelajar, keusahawanan & perkongsian nilai dan pembelajaran.

Satu aktiviti kemasyarakatan Misi Bantuan Banjir kerjasama UMK dengan Celcom Axiata Berhad telah berjaya dilaksanakan. Celcom Axiata Berhad telah menyalurkan bantuan sebanyak RM 50,000.00 dalam bentuk makanan keperluan harian kepada mangsa banjir di Tumpat dan Rantau Panjang. Sebanyak 300 buah keluarga di kedua- dua buah daerah telah menerima bantuan tersebut.



Misi bantuan banjir kerjasama UMK dengan Celcom Axiata Berhad.

Pihak Celcom Axiata Berhad turut menawarkan perkhidmatan rangkaian Celcom 3G, 4G serta WIFI kepada UMK. Ianya adalah melalui pembinaan menara Celcom berhampiran UMK Bachok. Ianya merupakan salah satu usaha Celcom Axiata Berhad untuk memastikan semua staf dan pelajar UMK memperoleh perkhidmatan WIFI yang terbaik daripada Celcom.



Menara Celcom berhampiran UMK Bachok.

Bagi aktiviti keusahawanan pelajar, sebanyak tiga (3) buah Syarikat Siswa Universiti (SSU) telah dikenalpasti untuk mengendalikan Kiosk Celcom yang terletak di ketiga-tiga kampus UMK. Ianya adalah melalui pelantikan tiga (3) syarikat yang terlibat untuk menguruskan Kiosk Celcom iaitu, Thinker Biz (UMK Kampus Kota), NSR Group Enterprise (UMK Bachok), Starlight Enterprise (Kampus Jeli). Ketiga-tiga kiosk tersebut telah mula beroperasi pada September 2017.



KIOSK UMK KAMPUS KOTA



KIOSK DI UMK BACHOK



KIOSK PROMOSI JUALAN DI UMK KAMPUS JELI

BUMIPUTRA RETAILERS ORGANIZATION

Bumiputra Retailers Organization merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berperanan untuk menyuarakan pandangan usahawan Bumiputera dalam memperkasakan bidang peruncitan, pengeluaran dan perusahaan. Pihak UMK telah melantik Y.Bhg. Datuk Zahari Omar, Pengerusi UO Superstore Sdn. Bhd. berkuatkuasa 1 Mei 2016 hingga 30 April 2019 sebagai ahli Majlis AGE UMK.

Bagi tahun 2017, pihak BRO dengan kerjasama UMK telah melaksanakan projek kajian "*Case Study in Retail : Challenges, Solutions and Outcome*". Antara industri yang terlibat dengan kajian tersebut ialah

- SERAI GROUP SDN. BHD. : Perniagaan Keluarga
- LC MERCHANDISING SDN. BHD. : Industri Kreatif
- FASHION VALET : Perniagaan atas Talian
- KAT TECHNOLOGIES : Kedudukan Pasaran
- KUMPULAN MEDIA KARANGKRAF SDN. BHD. : Perniagaan Media dan Komunikasi
- UO SUPERSTORE : Rantaian Bekalan

KETUA PENYELIDIK	NAMA SYARIKAT	SKOP KAJIAN	TAJUK CASE STUDY	TEMPOH AKHIR
PM Dr. Mohamad bin Ismail	Serai Group	<i>Family Business</i>	<i>"Boosting the Business, Were in"</i>	31 Mac 2018
Dr. Zuraimi bin Abdul Aziz	UO Superstore	<i>Supply Chain</i>	<i>Integrated if Retailing Supply Chain in UO Supertstore</i>	31 Mac 2018
Prof. Madya Dr. Rosli bin Saleh	Karangkraf	<i>Media and Communication Business</i>	<i>Manufacturing Through Changes in Sustaining Market Leadership</i>	31 Mac 2018
Dr. Dzulkifli bin Mukhtar	DR Group Productions Sdn Bhd	<i>Leadership</i>	<i>The Recipe for sustaining the chocolate King of Asia?</i>	31 Mac 2018
Dr. Nik Zulkarnaen bin Khidzir	Les'Copaque Production	<i>Creative Industry</i>	<i>Can Upin Ipin sustain their Brand?</i>	31 Mac 2018
Dr Asrul Hery bin Ibrahim	KAT Technologies	<i>Market Positioning</i>	<i>Diffusion of Innovation and Performance : a Study of Kat Technologies</i>	31 Mac 2018
Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad	Fashion Valet	<i>Youth / Online Business</i>		31 Mac 2018

Jadual 52 : Senarai penyelidik yang terlibat dengan Kajian "*Case Study in Retail: Challenges, Solutions and Outcome*".

SEGI UNIVERSITY & COLLEGE

SEGi University & College merupakan salah sebuah universiti swasta yang terbesar di Malaysia. Pihak UMK telah melantik Y.Bhg. Datuk Mohamed Azahari Kamil, Presiden Kumpulan SEGi University & College berkuatkuasa 1 Mei 2016 hingga 30 April 2019 sebagai ahli Majlis AGE UMK.

Menerusi perbincangan yang diadakan bersama antara pihak pengurusan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, dengan wakil SEGi University & Colleges iaitu Y.Bhg. Brig. Gen. Prof. Dato' Dr. Shohaimi Abdullah (R) Timbalan Naib Canselor Penyelidikan, Inovasi dan Jaminan Kualiti yang diadakan pada 26 September 2017, pihak SEGi University & Colleges telah bersetuju bahawa pelaksanaan pertama bagi program dibawah Age Council ini antara kedua pihak akan dilaksanakan menerusi pelaksanaan penawaran program secara Francais iaitu :

- a. Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam) dengan kepujian.
- b. Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Logistik dan Perniagaan Pengedaran) dengan kepujian.

Bagi tujuan kerjasama ini, fokus akan diberikan terhadap pasaran Sabah, Sarawak serta kawasan Selatan Semenanjung Malaysia. Perkara ini bagi mengelakkan berlakunya pertindanan sasaran fokus permohonan pelajar antara pihak UMK dengan SEGi University & Colleges.

NADICORP SDN. BHD.

Nadicorp Holdings Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat pelaburan yang telah berkembang menjadi salah satu daripada konglomerat Bumiputra swasta terbesar hari ini. Nadicorp mempunyai 5 unit perniagaan utama: pengangkutan, pembuatan, *property & plantation*, pertahanan dan perkhidmatan sokongan lain. Pihak UMK telah melantik Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Nadzmi Mohd Salleh, Pengerusi & Pengarah Urusan Nadicorp Sdn. Bhd .berkuatkuasa 1 Mei 2016 hingga 30 April 2019 sebagai ahli Majlis AGE UMK.

Antara kerjasama yang telah dilaksanakan dengan NadiCorp Sdn. Bhd. ialah membantu mewujudkan Dana *Endowment* untuk agenda keusahawanan UMK. Bagi Fasa Pertama, sebanyak sepuluh (10) buah syarikat perusahaan kecil telah menerima bantuan dana "*Endowment Fund*" sebanyak RM 5,000.00 untuk setiap usahawan mikro dibawah Program Mikro Kredit NADICORP-UMK. Para usahawan turut terlibat dengan beberapa buah bengkel yang dianjurkan. Antaranya ialah ;

- Motivasi Usahawan
- Produk Imej dan Jenama
- Pengurusan Kewangan
- Latihan Pembangunan *Business Model Canvas* (BMC)
- Strategi Pemasaran
- *Business Launching Strategy*
- Pengurusan Inovasi
- Strategi Pengiklanan
- *Negotiation & Networking*

Pada tahun 2017, Program *Endowment* Pembangunan Usahawan UMK-Nadicorp telah berjaya dilaksanakan sebanyak dua (2) fasa. Majlis Penyerahan Cek Program Pembangunan *Endowmet* Usahawan Fasa 1 telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Nadzmi Mohd Salleh, Pengerusi Eksekutif Nadicorp Holdings Sdn. Bhd. kepada 10 orang usahawan terpilih bertempat di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota pada 13 Februari 2017. Manakala bagi fasa ke-2, diadakan pada 19 November 2017 yang telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Hj. Ibrahim bin Che Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) kepada tiga (3) orang usahawan. Projek ini telah berupaya meningkatkan perniagaan usahawan berdasarkan peningkatan dalam pendapatan mereka.



Majlis penyerahan cek program pembangunan *endowment* usahawan fasa 1.

NAMA USAHAWAN	NAMA SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN
Nursarah binti Mat Yusoff	Megawati Women Outlet	Pakaian wanita & Tudung
Irni Noraidah binti Mustafa	Ar Ridha Res	Sarung Lengan Muslimah
Nur Ain binti Mohd Yusoff	Nuraincloset Ent.	Pakaian wanita
Wan Rahimi bin Wan Ismail	WRA Wasilah Ent.	Pengeluar Rempah kari Mieda's
Kamarul Azam bin Mohd Roslan	Srimurni Frozen Food	<i>Frozen Food</i>
Nur Adilah binti Sop	Ahsan Tijari Ent	Pengeluar Paste Masakan
Murnie Adieha binti Din	Ardieha Store	Barangan Berasaskan Kekabu Asli
Nor Azura binti Mat Shah@Harun	Uzma Bundle	Pakaian baru & terpakai <i>online</i>
Asmahizan binti Ab Ghani	The Siblings Kb Food Delivery	Katering, Penghantaran Makanan, <i>Online</i>
Edahani binti Wan Yahya	Bittersweet Addiction Patisseries	<i>Cakes & Pastries (online)</i>

Senarai nama usahawan yang menerima dana *endowment* pembangunan usahawan fasa 1.

NAMA USAHAWAN	NAMA SYARIKAT	JENIS PERNIAGAAN
Nik Mas Roslina binti Jaffar	Nikmas Berkat Enterpise	Aiskrim catering dan jahitan
Junaida bin Abd Aziz	Noble Managment & Consultancy	Latihan dan seminar
Mohd Yusri bin Mohamad	Tripple Yus	Pembekal Ikan Air Tawar

Senarai nama usahawan yang menerima dana *endowment* pembangunan usahawan fasa 2.



Majlis penyerahan cek program pembangunan *endowment* usahawan fasa 2.



Sumber: Utusan Malaysia, 29 November 2017.

FELDA GLOBAL VENTURES

Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) adalah syarikat perniagaan tani global terbesar di Malaysia dan merupakan pengeluar terbesar minyak sawit mentah di dunia. Pihak UMK telah melantik Y.Bhg. Dato' Zakaria Arshad, Ketua Pegawai Eksekutif Felda Global Ventures berkuatkuasa 1 Mei 2016 hingga 30 April 2019 sebagai ahli Majlis AGE UMK.

Antara kerjasama yang telah dilaksanakan ialah program sangkutan pelajar dan penyelidikan bersama.



Sesi perbincangan antara pihak UMK dengan Felda Global Ventures pada 8 Disember 2016 bertempat di Menara Felda, Kuala Lumpur.

TAKAFUL IKHLAS BERHAD

Takaful Ikhlas Berhad merupakan syarikat yang menyediakan perkhidmatan perlindungan kewangan islam yang berlandaskan prinsip dan hukum syariah. Wakil Takaful Ikhlas Berhad ialah Y.Bhg. Datuk Hj. Ab Latiff Hj. Abu Bakar, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Ikhlas berkuatkuasa 1 Mei 2016 hingga 30 April 2019.

Pada tahun 2017, UMK dengan kerjasama Takaful Ikhlas akan mengadakan program sangkutan graduan UMK selama 6 bulan di bawah tajaan dan bimbingan oleh Takaful Ikhlas sebelum diserap untuk berkhidmat dengan agensi korporat tersebut.

Seramai 20 orang pelajar UMK telah terpilih untuk menjalani program sangkutan di Takaful Ikhlas. Semasa menjalani latihan industri para pelajar juga mengikuti latihan secara komprehensif sebanyak enam (6) modul, iaitu:

- Special Program bersama CEO Takaful Ikhlas Berhad
- Konvensyen Luar Negara
- Perkongsian Ilmu Bersama Pelajar
- *Sales Practitioner*
- Minggu Amanah Saham Malaysia
- Festival Belia Kelantan




Para pelajar UMK terlibat dengan program-program yang dianjurkan oleh Takaful Ikhlas.

AVON MALAYSIA

Avon adalah syarikat kosmetik antarabangsa yang memasarkan produk kecantikan wanita dan perkhidmatan secara global. Pihak UMK telah melantik Y.Brs. Mr. Romulus Sirbu Presiden, Avon Malaysia berkuatkuasa 1 Jun 2016 hingga 30 Mei 2018 sebagai ahli Majlis AGE UMK.

Pada tahun 2017, pihak UMK dengan kerjasama Avon Malaysia telah melancarkan Kiosk Avon yang terletak di UMK Kampus Kota. Majlis pelancaran telah diadakan pada 10 April 2017 oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Hamad Kama Piah bin Che Othman, Pengerusi Lembaga Pengarah UMK.

UMK-AVON BUSINESS MODEL



Gambarajah: UMK- Avon Business Model



Sekitar Majlis pelancaran Kiosk Avon yang terletak di UMK Kampus Kota pada 10 April 2017.

Pembukaan Outlet Avon yang pertama di Universiti Awam (UA) ini merupakan program inkubator pelajar dimana manfaatnya adalah untuk memberi pendedahan perniagaan sebenar kepada para pelajar selaras dengan objektif UMK.

GEO SOLUTION RESOURCES

Geo Solution Resources merupakan syarikat perunding geologi di Semenanjung Malaysia. Pihak UMK telah melantik Y.Brs. En. Ahmad Nizam Hasan, Prinsipal Geo Solution Resources berkuatkuasa 1 Mei 2016 hingga 30 April 2019 sebagai ahli Majlis AGE UMK.

Antara kerjasama yang telah dijalankan bersama Geo Solution Resources ialah program sangkutan pelajar 3+1 dan penyelidikan bersama. Satu makmal dibina di Kampus Jeli bertujuan untuk memudahkan proses pembelajaran pelajar. Geo Solution Resources juga akan membantu Fakulti Sains Bumi berkenaan penyemakan modul dan silibus pembelajaran serta penubuhan syarikat siswa.



Sesi bergambar pelajar-pelajar Geosains pada majlis penutup program "Site Investigation" yang dijalankan pada 13-14 November 2017 di UMK Kampus Jeli.

MAJULIA SDN. BHD

Majulia Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang berkecimpung dalam projek pembangunan tenaga yang boleh diperbaharui, yang berfokus kepada *small hydropower plant* dan *large scale solar photovoltaic plant*. Syarikat ini mempunyai pengalaman dalam membangunkan tenaga yang boleh diperbaharui di Malaysia dan Sri Lanka dengan kapasiti keseluruhan berjumlah 227.4MW. Majulia berminat untuk berkolaborasi dengan institusi akademik di Malaysia, bertujuan untuk meningkatkan penyelidikan dan pembangunan *portfolio* tenaga yang boleh diperbaharui. Pihak UMK telah melantik Y.Bhg. Dato Shasuddin bin Hayroni, Pengerusi Eksekutif Majulia Sdn. Bhd. berkuatkuasa 1 Oktober 2016 hingga 30 September 2019 sebagai ahli Majlis AGE UMK.

Pada tahun 2017, UMK dengan kerjasama Majulia Sdn. Bhd. telah mengadakan perbincangan untuk melaksanakan dua (2) program utama iaitu *incinerator* dan implementasi panel solar. Projek *incinerator* merupakan projek penjanaan tenaga menggunakan sisa buangan sampah di daerah Bachok.



CREDIT GURANTEE CORPORATION

Credit Gurantee Corporation berperanan dalam pembangunan ekonomi Negara dengan membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang marginal tetapi berpotensi untuk berdaya maju, terutamanya perusahaan tanpa cagaran atau tidak mempunyai cagaran dan rekod yang mencukupi, untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan. Pihak UMK telah melantik Y.Bhg. Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak, CEO, Credit Guarantee Corporation berkuatkuasa 1 Oktober 2016 hingga 30 September 2019 sebagai ahli AGE Council UMK.

Antara kerjasama yang telah dijalankan antara UMK dengan CGC adalah Program Campus Ambassador yang melibatkan pelajar tahun 2 atau tahun 3 UMK.

Tugasan Campus Ambassador:

- Mempromosikan CGC kepada pelajar UMK menerusi media sosial, penganjuran program yang melibatkan UMK-CGC, penubuhan kelab, pertandingan foto di media sosial termasuk juga.
- Mengumpul maklumbalas mengenai CGC menerusi kajian pasaran dan temuramah.

Faedah yang diperolehi oleh Campus Ambassador ialah peluang pekerjaan, peluang mempertingkatkan hubungan industri dan meningkatkan kemahiran pemasaran, keusahawanan dan komunikasi.



Sesi temuduga pelajar bersama wakil CGC bagi Program Campus Ambassador CGC-UMK.

QSR BRANDS (M) HOLDINGS BERHAD

QSR Brands (M) Holdings Berhad merupakan sebuah industri makanan runcit yang berkembang pesat di Malaysia. Beribu pejabat di Kuala Lumpur, syarikat tersebut mengendalikan restoran makan segera terkenal di Malaysia seperti Pizza Hut, Kentucky Fried Chicken (KFC) dan Ayamias. Pihak UMK telah melantik Y.Bhg. Datuk Mohamed Azahari Kamil, Pengarah Urusan Kumpulan QSR Brand (M) Holdings Bhd. berkuatkuasa 16 Ogos 2017 hingga 15 Ogos 2019 sebagai ahli Majlis AGE UMK.

Pihak QSR Brands telah bekerjasama dengan FHPK bagi menawarkan program pengajian melalui mod *2u2i* selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Pihak QSR Brands berbesar hati menyediakan tempat latihan yang kondusif dan fleksibel kepada semua pelajar UMK yang mengikuti program pengajian tersebut. Pembelajaran melalui pengalaman kerja (*experiential learning*) seperti ini dilihat mampu mendorong pembelajaran yang baharu selain mendedahkan pelajar dengan suasana bekerja yang sebenar semasa program pendidikan dijalankan.

Program pengajian yang dicadangkan ini dapat memberikan faedah secara langsung kepada pelajar, UMK dan pihak industri dengan mengurangkan jurang ketidaksepadanan bekalan dan kehendak di antara UMK dan industri. Selain itu, kerjasama ini dilihat juga dapat memberikan peluang kepada industri untuk melatih pelajar dengan memberikan pendedahan kepada cara kerja yang baik.

Penawaran program ini dijangka bermula September 2018 melalui penyertaan seramai 50 orang pelajar. Penawaran program ini dapat memberikan peluang kepada pelajar untuk berada di semua cawangan QSR Brands seperti KFC, Pizza Hut, Life Brands and Ayamias.



Sekitar sesi perbincangan pihak UMK bersama wakil QSR Brands (M) Holdings Bhd.

KERJASAMA ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN DENGAN AHLI AGE BERSEKUTU

KHAZANAH NASIONAL

Projek kerjasama UMK dengan Khazanah Nasional adalah melibatkan projek Rural Transformation Program for Mambong, Senggora, Serunding. Bagi merealisasikan kerjasama tersebut, satu lawatan Kembara Khazanah 2 telah diadakan pada 8 hingga 12 Oktober 2017. Hasil daripada lawatan tersebut, beberapa perkara telah dipersetujui antaranya ialah pembangunan data pelancongan dan penghasilan Coffee Table Book "Menyelusuri Lembangan Pengkalan Datu" Kembara Khazanah – UMK 2.0.




Lawatan Kembara Khazanah 2 telah diadakan di beberapa tempat di sekitar Kelantan pada 8 hingga 12 Oktober 2017.

MALYSIAN FINANCIAL PLANNING COUNCIL

Seminar kewangan dan kekayaan adalah kerjasama antara GERIC- UMK, Malaysian Financial Planning Council (MFPC) dan Persatuan Perancang Kewangan Bijak Malaysia yang antara lain bertujuan untuk memberi pendedahan tentang kepentingan perancangan kewangan dan juga melancarkan penubuhan "Wealth Lab" di universiti ini.

GLOBAL INNOVATION & ENTREPRENEURSHIP FOUNDATION (GIEF)

UMK dengan kerjasama GIEF telah merancang Projek Creative Bamboo Garden (CBG) di UMK Kampus Jeli. Projek ini adalah untuk menaiktarafkan kawasan yang terletak di persekitaran rumah tetamu Kampus Jeli, Universiti Malaysia Kelantan. Pengubahsuaian landskap ini akan bertemakan buluh dan ini akan menjadikan kawasan ini di masa hadapan sebagai tarikan pelawat awam untuk berehat dan bersantai sambil menikmati keindahan landskap taman.



Pelan landskap yang dirancang untuk menanam pelbagai jenis pokok buluh di sekitar kawasan hadapan UMK Kampus Jeli.

AGENSI INOVASI MALAYSIA (AIM)


Kerjasama antara UMK dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) melibatkan projek pembangunan SME Innovation Index (SMEII) yang merupakan alat penilaian diri yang akan di bangunkan bersama GERIC dan AIM bertujuan mengukur tahap inovasi syarikat kecil dan sederhana (IKS). Projek ini dibiayai oleh AIM.



Bengkel Inovasi dan Pengkomersialan oleh Pihak Platcom Ventures pada 8 Februari 2017.

KERJASAMA ANTARA AGE COUNCIL PERINGKAT UNIVERSITI DENGAN SYARIKAT SISWA UNIVERSITI

KERJASAMA SYARIKAT SISWA UNIVERSITI DENGAN AHLI AGE COUNCIL



Azam Inspired Resources (Mencetak dan menjahit logo pada pakaian).

1 *D Ayu Crispy* (Makanan dan minuman)

2 *Art & Food* (Makanan dan minuman)

3 *Mirza Classic Enterprise* (Makanan dan minuman)

4 *Futurizz Venture* (keluaran jahitan selendang batik)

1 *Waffle Dina Beratur*

2 Makanan dan minuman (*Waffle*)

Konco Production (pakaian)

